


Bilangan 219
Shawwal 1388
Januari 1969
Harga 60 sen
KDN 3036



Majalah Bulanan Agama Yang Terkenal



Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong sedang berjabat tangan dengan salah seorang para hakim Pertandingan Membaca Al-Quran al-Karim peringkat antarabangsa yang telah dilangsungkan dua malam berturut-turut pada 12 dan 13 Disember 1968 di Stadium Merdeka Kuala Lumpur. 13 orang para hakim dari Republik Arab Bersatu, Moroko, Indonesia, Thailand, Singapura dan Malaysia telah mengadili pertandingan tersebut.



Qalam

KDN 3036

Shawwal	1388	Januari	1969
Bilangan	219	60	sen.

Dunia Islam dan Penindasan

Kita sangat menjunjung tinggi langkah yang diambil oleh Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putra untuk mengadakan Persidangan Negara-negara Islam, tetapi kita tidak mengetahui apakah kelak isi persidangan itu – adakah ia akan sebenar-benarnya membawa faedah yang besar dan luas atau sekadar mencari jalan sebagai permulaan kepada satu persidangan yang lebih luas untuk masa akan datang? Kita katakan begitu kerana daripada cita-cita dan ura-ura mengadakan persidangan itu ada terbayang bahawa persidangan yang akan diadakan itu jauh sekali dari mencampurkan hal-hal politik – ia semata-mata mencari persamaan di dalam masalah-masalah agama di antara sebuah negeri dengan sebuah negeri yang tidak dapat disamakan dan berusaha mencari fahaman yang sama atas perselisihan-perselisihan di dalam mengertikan maksud dan tujuan-tujuan sesuatu ayat Al-Quran yang difaham dengan lain-lain pengertian oleh sesuatu golongan dengan golongan yang lain.

Inilah yang dapat difaham daripada maksud mengadakan Persidangan Negara-negara Islam yang dianjurkan itu. Umpamanya, dikatakan hendak menyamakan hari

berpuasa di seluruh negara-negara Islam dan seumpamanya, iaitu masalah-masalah yang sulit dibuat disebabkan edaran-edaran waktunya yang berlainan dari satu tempat dan satu tempat yang lain, tentulah tidak sama. Jadi kalau ini, atau yang serupa ini sahaja yang dituju tidaklah apa-apa ertinya persidangan itu dengan mengeluarkan perbelanjaan yang besar dan menghabiskan masa yang banyak.

Tetapi kalau sekiranya langkah Persidangan Negara-negara Islam yang bakal dilaksanakan itu ada latar belakang yang lain, seperti dengan perhimpunan itu yang dirupakan untuk menghimpunkan negara-negara Islam didalam suatu perundingan yang lebih mendalam untuk membawa mereka kepada suatu permesyuaratan permulaan undangan yang pertama berdasarkan siyash negara-negara Islam, maka kita akan memberi hormat kepada langkah-langkah itu oleh memandang masa ini, keluh-kesah penindasan setengah-setengah negara kepada negara-negara Islam dan kepada tekanan-tekanan terhadap umat Islam yang dilakukan oleh musuh-musuh Islam sangat keras untuk menghapuskan Islam di mana ia berada.

Perhatian-perhatian hendaklah diberi terhadap Baitul Maqdis yang ditakluk oleh Yahudi, kedudukan orang-orang Islam, di Habsyah, Peristiwa Somali dan penindasan dan aniaya orang Hindu terhadap orang-orang Islam di beberapa tempat di India dan peristiwa-peristiwa Komunis menegah peribadatan di Albania dan banyak lagi perkara-perkara lain yang berhubung dengan umat Islam di Afrika – adalah soalan-soalan hangat dan penting yang menjadi tanggungjawab umat Islam di seluruh dunia untuk membantu kebebasan

mereka samada dengan material atau moral kerana umat Islam akan ditanya tentang persoalan saudara-saudara mereka di hadapan Tuhan di hari akhirat kelak.

Umpamanya sahaja masalah Baitul Maqdis. Kita di Malaysia terutamanya pihak pemerintah yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara, dalam soal ini hanya melepaskan batuk di tangga sahaja – menjadikan kebanyakan umat Muslimin negara ini tidak tahu tugas-tugas mereka terhadap Baitul Maqdis yang telah dirampas dan dinodai kesuciannya oleh bangsa Yahudi – dan memandang perjuangan Baitul Maqdis adalah perjuangan bangsa Arab – bukan perjuangan umat Islam seluruhnya sebagaimana semestinya.

Akhbar-akhbar Arab, apabila Haji Abdul Rahman Ya'kub, Menteri Galian diutus ke negeri-negeri Arab menyebut dengan rasa kehairanan atas dasarnya bagaimana Islam boleh dipisahkan dari siyash. Kita sepeerdirian dengan akhbar-akhbar Arab itu kerana kita mengetahui dengan yakin dan kepercayaan bahawa agama Islam ajarannya adalah tidak dapat dipisahkan dari siyash. Kita sependirian dengan hidup. Dengan demikian konsep agama itu teruskanlah jika hendak berjaya dan maju – jangan setengah-setengah dipakai – mana yang menyenangkan dan sesuai dengan perusahaan – mana yang tidak sesuai ditolak.

* * *

Darihal Kita

Dengan keluaran ini kita mengucapkan “Selamat Tahun Baru” *Milādiyah* kepada para pembaca dan bagi kita di negara ini pada tahun ini adalah dipandang sebagai tahun baru

Rencana Pengarang

permulaan perusahaan dan sebagainya – kerana itu kita mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada pembaca-pembaca kita dan genaplah Qalam memasuki bilangan yang ke (219) dan tahunnya yang ke-19 ertinya kalau seorang pemuda, Qalam telah jadi seorang remaja putera.

Di dalam masa berjalan 18 tahun yang lampau, kita telah merasa pahit dan manisnya hidup yang belum pernah ditempuh oleh mana-mana majalah di negeri ini kerana mendirikan perkara yang kita pandang hak dan benar – *Al-hamduli ‘Llāh*, kita terus-menerus menyertai mana-mana perjuangan negeri Islam yang menuntut kebebasan dari penjajah dan tindasan-tindasan dari negeri-negeri yang bukan Islam, dan dengan kerana itulah mudah-mudahan Allah akan memberi pertolongan kepadanya sehingga walaupun bagaimana kesulitan yang dihadapinya, kesulitan-kesulitan itu dapat diisinya¹ dan ia dapat terus diterbitkan hingga keusianya yang ke (19) tahun pada hari ini – *Al-hamduli ‘Llāh*.

Di dalam pengalaman-pengalamannya yang telah lalu, dan melihat kepada keadaan perubahan-perubahan dunia masa sekarang, kita yang dahulunya lebih banyak mengisi penerbitan ini dengan soal-soal siyasah, sama ada siyasah tanah air atau luar negeri, dan melihat kepada cepatnya pergolakan siyasah itu masa sekarang, maka kita berniat mengubah dari semasa ke semasa kandungan dengan melebihkan perkara-perkara yang bersifat rencana-rencana umum dan pengetahuan yang dengan kita berharap dapat

membimbing pembaca-pembaca kita kepada jalan ilmu pengetahuan untuk mengenali sejarah dan dasar-dasar kebangkitan dan keagungan agama Islam dengan lebih meluas.

Di dalam bahagian penerbitan pula Qalam, mudah-mudahan, dalam rancangannya tahun 1969, buku-bukunya yang dahulu penerbitannya boleh dikatakan hanya jangan tidak sahaja akan disusun semula, dasarnya tidak di atas buku-buku novel, tetapi kita mencuba menerbitkan buku-buku umum yang bersifat sejarah Islam yang termasuk pendidikan dan buku-buku pendidikan akhlak serta pengetahuan-pengetahuan umum yang berunsur keislaman.

Kita cuba menerbitkan ini, kita tahu, tentulah mulanya tidak akan laris atau cepat lakunya seperti buku-buku novel, tetapi kerana kita berasa bertanggungjawab terhadap masyarakat, kita cuba walaupun kita dapat menelah bahawa masyarakat kita belum lagi menyedari betapa mustahaknya mata pelajaran akhlak (budi pekerti), peraturan hidup dan *tawārīkh* yang menjadi cermin hidup bagi mereka.

Di dalam medan pendidikan, kita telah memulainya dengan buku “Benar dan Kebenaran” sebagai siri yang pertama yang telah pun kita terbitkan pada tahun 1968 dan siri ini, *in shā-Allāh* dalam awal tahun ini akan diikuti oleh dua buah buku yang baik dan berfaedah di lapangan pendidikan akhlak, iaitu:

- (1) “Ibu dan Ayah” dan
- (2) “Ilmu Didatangi”.

Buku “Ibu dan Ayah” adalah yang mengandungi tugas anak kepada ibunya, dapat serta perintah-perintah Allah dan cerita-cerita

kejadian-kejadian anak yang taat kepada ibu dan ayahnya, yang derhaka kepada keduanya, pahala dan dosanya serta rahmat bahagia yang dijanjikan Tuhan kepada orang yang berkhidmat kepada ibu bapanya, balasan janji seksa di dunia dan akhirat atas anak yang derhaka kepada keduanya. Ditunjukkan juga betapa susah payah ibu memelihara mereka dari kecil hingga besar sampai remaja putera dan bagaimana mestinya anak memberi khidmat dan membalas jasa budi keduanya. Pendeknya buku ini adalah menyedarkan dan menginsafkan, dan mengingatkan kerana di dalam masyarakat kita yang telah dipengaruhi oleh kebudayaan Barat, ibu bapa tidak diumpamakan lagi pada sisi anak-anaknya.

Demikian juga buku “Ilmu Didatangi”. Di sana diterangkan cerita-cerita kelebihan ilmu, keutamaan ilmu, faedah-faedah menuntut ilmu, tetapi timbul soal adakah sempurna hidup seseorang hanya dengan berilmu, tetapi tidak berakhlak? Persoalan inilah yang akan dipecahkan di dalam buku ini dengan cerita, kupasan dan penjelasan yang kita rasa mustahak digalakkan dibaca.

Siri yang lain ialah “Siri Kisah Tokoh-Tokoh Sejarah” buat bacaan kanak-kanak yang telah terbit enam buah akan terus disambung. Buku-buku ini, yang utamanya berunsur sejarah-sejarah Islam, sama ada sejarah Nabi, Sahabat dan orang-orang terkemuka Islam. Di dalam ceritanya sengaja dan dicuba dipilih cerita-cerita yang di dalamnya ada pelajaran-pelajaran adab dan tertib atau akhlak seseorang Islam sampai kanak-kanak kita dapat meneladani peraturan dan tertib sebagai seorang Islam.

¹ Perkataan sebenarnya adalah diatasinya.

Rencana Pengarang

Siri buku “Kisah toko-toko² Sejarah” yang bakal dan sedang mulai dicetak ialah:

1. Ibnu Sina
2. Khawlah dengan Suaminya
3. Dipencilkan
4. Setia Kawan
5. Hormat-menghormati
6. Kambing Kurus
7. Menepati Janji
8. Rahsia

Kita berharap buku-buku ini, selain daripada rancangan kita buku-buku yang lain tahun hadapan, *in shā-Allāh*, mudah-mudahan dapat sambutan dari


masyarakat Islam. Ingatlah bahawa kita telah makin jauh dari ilmu-ilmu pengetahuan agama kita, kerana itu tanamlah ke dalam jiwa anak-anaknya kita dengan ilmu pengetahuan berunsur agama. Kita tidak akan berjaya di dalam rancangan ini sekiranya masyarakat sendiri tidak menggalak dan menyokongnya. Kepada Allah, tempat kita berserah.

Di akhir sekali kita tidak lupa mengaturkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada sekalian para penulis dermawan yang telah banyak sekali menyumbangkan buah-buah fikiran berdasar agama yang membina dan memberikan kesedaran kepada masyarakat Islam di tanah air kita melalui makalah-makalah agama yang mereka hantar kepada

kita dengan secara sukarela.

Sumbangan secara ini juga adalah kita anggap salah suatu perjuangan di lapangan ilmu pengetahuan dan agama yang sudah tentu mendapat perhatian dan ganjaran-ganjaran pahala yang besar daripada Tuhan sebagaimana firman “*Inna Allāha lā yuḍī‘u ajra man aḥsanu ‘amala*³”. Ertinya “Sesungguhnya Allah itu tidak mensia-siakan akan pahala orang yang bekerja untuk kebaikan”⁴.

Kita berharap semoga semakin bertambahlah hendaknya bilangan penulis-penulis muda kita yang berjiwa Islam, yang sanggup mengorbankan masa dan buah fikirannya demi untuk kepentingan seluruh masyarakat Islam.



Para anggota Jamiyah al-Da‘wah al-Islamiyyah dari Melaka dan Perak bergambar bersama-sama dengan anggota-anggota Jamiyah Selangor sebelum mereka mengadakan mesyuarat bersama menubuhkan satu “Jawatankuasa Perhubungan” yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 10 haribulan November 1968 yang lalu.

² Perkataan sebenarnya adalah tokoh-tokoh.

³ Tiada ayat ini di dalam al-Qur’ān. Ayat yang sebenarnya adalah “*Innā lā nuḍī‘u ajra man aḥsana ‘amalā*” (Sūrah al-Kahfi, ayat 30).

⁴ Maksud ayat yang sebenarnya adalah “Tentulah Kami tidak akan mensia-siakan pahala orang yang mengerjakan amalan(nya) dengan baik.

Khutbah Aidil Fitri

Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar kabūra, wa al-ḥamduli 'Llāhi kathira, wa subḥāna Allāhi bukrata wa aṣilā.

Al-ḥamduli 'Llāhi alladhina ja'ala al'a'yāda mūsammā likhayrāt, wa ja'ala lanā mā fil al-arḍi jam'iyā lil'amārat wa zur'a al ḥasanāt, ashhadu an lā ilaha illā Allāh waḥdahu lā sharīkalah, khalāqa al-arḍ wa al-samawāt, wa ashhadu anna Muhammadā 'abduhu wa rasūluh al-dā'ir ilā dīnih wa ḍaḥa al-bayyināt, Allāhumma ṣalli wa sallim wa bārik 'alā sayyidi al-ka'anāt nabīnā Muḥammad wa 'ala ālihi wa aṣḥābihi, wa al-tāb 'in al-mujtahidīn linaṣrati al-dīna wa izālat al-munkirāt, 'uṣṭikum wa iyyāya bi taqwā Allāh, wa qad fāza al-muttaqūn.

Al-ḥamduli 'Llāh, sekali lagi, pada hari ini kita dikurniakan Allah Subḥānahu wa Ta'ālā kesempatan untuk menyambut Hari Raya Aidil Fitri, setelah kita melakukan ibadat puasa bulan Ramaḍān.

Hari Aidil Fitri adalah hari raya, hari yang berulang-ulang datang kembali setiap tahun. Dan setiap kali ia kembali didapatinya kita dalam keadaan yang berbeza-beza – ada kalanya, di saat kita berada – dalam keadaan sulit dan bahaya, ada kalanya di saat kita merasakan agak lapang dan lega, seringkali pula di saat kita sedang menghadapi persoalan-persoalan hidup yang tak kunjung terpecahkan.

Walaupun dalam keadaan bagaimana setiap kali ia datang kita sambut Aidil Fitri itu dengan rasa syukur. Kita sambut dengan menyerukan satu jalinan kalimah-kalimah suci:

- Kalimah takbir **“Allāhu Akbar”** membesarkan Allah Yang Maha Agung.
- Kalimah tauhid **“Lā ilaha illā Allāh”** mengesakan Allāh Yang Maha Kuasa.
- Kalimah tahmid: **“Wa lillāhi al-ḥamd”** mensyukuri Allāh yang Maha Pengasih dan Penyayang

Oleh: Muhammad Natsir

Kesemuanya itu berpadu dalam satu gema suara dan alunan perasaan kita semua, pagi ini.

“Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar”

Di masa sempit dan keadaan bahaya, kepada Allah juga kita mencari kekuatan dan pertolongan.

Di masa lapang dan aman, kepada-Nya

juga kita bersyukur nikmat.

Di saat daya fikir kena uji oleh bermacam-macam persoalan hidup bermasyarakat dan bernegara yang musykil, kepada ajaran Allah akhirnya kita mencari pedoman untuk pemecahannya.

Bukankah Allah Subḥānahu wa Ta'ālā dekat

kepada hamba-hambanya Dia berada?

“Wa idhā sālakā 'ibādī 'annī fānī¹

qarīb 'ujībū da'wadata al-dā'i idha

da'ānī falyastajībū lī walyu'minū bī

la'allāhum yurshidūn”

“Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu (Ya Muhammad) tentang hal-Ku, maka (katakanlah) bahawasanya Aku adalah dekat.”

“Aku menerima permohonan seseorang yang memohon (sungguh-sungguh). Oleh kerana itu hendaklah mereka jawab panggilan-Ku, dan beriman kepada-Ku

agar mereka menemukan jalan yang lurus”

(al-Baqarah 186)

Bagi umat tauhid, memang rasa dekat kepada Allāh, itulah yang meliputi pelbagai perasaannya, lebih-lebih pada sangat-sangat³ yang tertentu, di waktu seperti menyambut Hari Aidil Fitri.

“Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar”

Saudara-saudara,

Beriman kepada **Tuhan Yang Maha Esa** dalam istilah kita umat Islam, disebut **tauhid**. Tauhid menuju kepada dua jurusan, ibarat pisau bermata dua.

Tauhid bererti beriman kepada Allāh, *Khāliq* Yang Satu.

Sekaligus ini bererti pengakuan akan kenyataan, bahawa umat **manusia** itu adalah **satu**, sebagai makhluk dari *Khāliq* Yang **Satu**.

Ya'ni, bahawa umat manusia merupakan satu keluarga atau persaudaraan, yang anggota-anggotanya semua, tanpa kecuali sama-sama berhak hidup, terdiri dari unsur-unsur fitrah kejadian yang sejenis, sama-sama memiliki martabat kemanusiaan.

¹ Perkataan sebenarnya adalah **sa'alaka**

² Perkataan sebenarnya adalah **fa'innī**

³ Perkataan sebenarnya adalah saat-saat.

Khutbah Aidil Fitri

“Alḥakqu kulluhum ‘ilāhi. Allāh fī ‘al-ḥabshum

ilāhi anfa‘hum li‘iyālihi”

“Semua makhluk adalah tanggungan

Allah, dan yang paling dicintai-Nya ialah yang paling bermanfaat bagi sesama tanggungannya” (Abu Ja‘lā).

Bagi kita, umat Islam, taqwa kepada Allah melahirkan rasa **persaudaraan universal** di antara umat manusia. Iman kepada Allah menimbulkan sikap menghormati martabat **peribadi** sesama manusia.

“Irḥamū man fī al-arḍi yarḥamukum man fī al-samā”.

“Sayangilah penduduk bumi ini, nescaya kamu akan disayangi oleh siapa yang di langit”.

Demikianlah pesan Rasulullah *ṣalla Allāhu ‘alayhi wasallam*.

Inilah **dua** segi dari kalimah tauhid yang kita kumandangkan pada hari ini, segi **ḥablu min Allāh** (hubungan masing-masing kita dengan Allah *Subḥānahu wa Ta‘alā*) dan **ḥablu min al-nās**, (hubungan kita dengan sesama manusia) yang tak boleh dipisah-pisahkan. Bagi kita, keimanan kepada Tuhan yang Maha Esa bukanlah sekadar salah satu dalil – (teori) falsafah yang dikunyah dan dikagum-kagumi. Akan tetapi ia adalah **titik tolak hidup** kita, mengandung pengajaran dan pertolongan yang positif untuk pedoman hidup di tengah-tengah sesama – makhluk di dunia ini.

Saudara-saudara,

Kitab Allah dan Sunnatullah mengajarkan kepada kita, bahawa bumi

Allah, bukanlah monopoli kita semata-mata.

‘Iyālu Allāh, umat manusia sebagai keluarga – tanggungan Ilahi, sebagai keseluruhan itu terdiri dari bermacam-macam unsur, unsur berbangsa, dan unsur berbagai aliran kepercayaan dan agama.

Kitab Allah memberi tuntunan supaya kita umat Islam jangan bingung menghadapi⁴ keadaan yang sudah merupakan Sunnatullah itu.

“Al-ḥaqqu min rabbika fultakūnanna min al-mumtarīn”.

“Kebenaran ini adalah dari Tuhanmu. Maka sekali-kali janganlah kamu termasuk orang yang bingung dan ragu-ragu” – (Al-Baqarah 147).

Memang, masing-masing golongan itu ada arah yang ditujunya.

“Wa likulli wajhatu huwa mawṭihā”

Ada pun kita tidaklah untuk mencari permusuhan dengan golongan-golongan itu. Tidak pula untuk meleburkan diri dalam aliran-aliran itu semua.

Akan tetapi, peranan kita sendiri di tengah persimpangan siuran itu, ialah: bangun maju dengan identitis keperibadian sendiri berlumba-lumba dengan mereka itu semua untuk **berbuat baik**.

“Fa‘astabiqū al-khayrā” – (Al-Baqarah 147⁵)

“Berlumba-lumbalah kamu dalam berbuat kebajikan”.

Ya‘ni berlumba-lumba berbuat kebajikan untuk umat manusia melaksanakan kebenaran dari Allah *Subḥānahu wa Ta‘alā* yang sudah menjadi pegangan hidup kita, tanpa ragu-ragu.

Saudara-saudara,

Kitab Allah dan sunnah Rasul

mengajarkan kepada kita pedoman untuk memecahkan persoalan-persoalan hidup yang seringkali menimbulkan perselisihan faham, malah boleh mengakibatkan pertengkaran dan bentrokan-bentrokan bila mana sudah dimasukkan oleh hawa dan nafsu dalam berbagai bentuknya, berupa taksub buta dan takbur.

“Kāna al-nās ummata wāḥidata”
– (Al-Baqarah 213)

Demikianlah ditegaskan prinsip kesatuan umat manusia sebagai makhluk Ilahi.

“Faba‘athu Allāh al-nabiyyīna mubashirīna wamunḍhirīna wa‘arṣalana‘ahumu al-kutūba bil-ḥaqqi liyahkuma bayna al-nāsi fī mā akhtalafū fīhi” – (Al-Baqarah 213)

“Maka Allāh membangkitkan para nabi sebagai penggemar dan pemberi peringatan dan ia turunkan berserta mereka kitab dengan (membawa) kebenaran, supaya (kitab itu) memberi keputusan di antara manusia ditentang apa yang mereka berselisihan”

Bahawa dalam tubuh umat manusia sebagai keseluruhan ada berbagai bangsa dan bahasa, adalah satu fakta kehidupan yang tak dapat dimungkiri. Sudah begitu Sunnatullah, menurut hikmat iradat Ilahi dan tidak boleh dirubah.

Akan tetapi perbedaan bangsa dan suku bangsa, berlainan bahasa dan warna kulit, dan **tingkat kecerdasan**, tidak boleh dijadikan sumber sengketa, tidak boleh dijadikan sumber mahu menguasai sendiri.

Kepada umat manusia sebagai keseluruhan dipesankan terlebih dahulu

⁴ Perkataan sebenarnya adalah menghadapi.

⁵ Ayat yang sebenarnya adalah ayat 148.

Khutbah Aidil Fitri

bahawa adanya berbagai-bagai bangsa dan suku bangsa, ialah untuk berlaku kenal – mengenal, memberi dan menerima satu sama lain. Ada pun cinta bangsa dan rasa kebangsaan adalah merupakan pendorong bagi perlumbaan dalam mencapai kemajuan dan dalam menyumbangkan sebanyak-banyak kemaslahatan bagi lingkungan yang lebih luas, bagi kebahagiaan umat manusia.

Tidak ada tempat bagi kesombongan dan kecongkakan bangsa (asabiyah jahiliah), tidak ada tempat bagi kecongkakan darah keturunan.

Tidak ada tempat bagi rasa benci semata-mata lantaran berlainan bangsa.

Hanya ada satu ukuran bagi tinggi rendahnya mutu seseorang, ya'ni pembaktiannya, bukan warna, bukan bahasa, bukan keturunan, bukan pula pangkat.

Yā ayyuhā al-nāsu innā khalaqnākum min dhakari wa unthā wa ja'alnākum shu'ubā wa qabā'ila lita'araftū inna akramakum 'inda Allāhi atqākum inna Allāha 'alīmu khabīr.

– (al-Ḥujurāt 13)

“Wahai manusia, sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuka-suka, supaya kamu kenal-mengenal satu sama lain, sesungguhnya yang termulia di antara kamu di sisi Allah, ialah yang paling takwa di antara kamu, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui. Maha Bijaksana.”

Agar jangan ada keraguan tentang ini, Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* menekankan dengan seluruh kekuatan jiwa dan peribadinya, dalam khutbah – perpisahannya di Padang Arafah.

Inna akramakum 'inda Allāhi atqākum lā fadlu li 'Arabī 'alā 'ajamī illā bi al-taqwā.

“Sesungguhnya yang termulia di antara kamu pada sisi Allah, ialah yang paling bertakwa di antara kamu. Tidak ada kelebihan seseorang Arab dari orang Ajam melainkan dengan takwanya.”

Kemudian beliau bertanya:

Alā hal ballighu?

“Wahai perhatikanlah. Sudahkah ini aku sampaikan?”

Setelah dijawab oleh khalayak ramai yang hadir:

Allāhumma qad ballighu

“... memang sebenarnya sudah engkau sampaikan.” Maka beliau menunjuk ke atas lalu berkata:

Allāhumma ashadd, falyabluḡha al-shāhidu minkum al-ghā'ib.

“Wahai Tuhanku saksikanlah.

Maka barang siapa yang menyaksikan ini, sampaikanlah (risalah) ini kepada yang tidak hadir (waktu ini).

Itulah dasar keagamaan hidup berdampingan antara bangsa, bersih dari kesombongan dan kecongkakan bangsa dan jenis.

Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar.

Saudara-saudara!

Takwa, demikian tuntutan Allah dan Rasul, adalah satu-satunya rukun menentukan tinggi atau rendahnya mutu sesuatu bangsa atau golongan, atau pun peribadi orang perseorangan.

Oleh kerana itu kita diharuskan terus berusaha dan melatih diri, agar dapat mencapai tingkat-tingkat “takwa” itu. Sebagai mana kita ketahui puasa Ramadān yang

baru sahaja kita selesai menunaikannya, itu adalah salah satu dari latihan rohani dan jasmani yang kita lalui untuk mencapai, sekurang-kurangnya untuk mendekati darjat “takwa”.

Yā ayyuhā al-kadhībna'innanū kadhībna 'alaykumu al-ṣiyāmu kamā kutiba 'alā alladhīna min qablikum la'allakum tattaqūn. – (al-Baqarah 183).

“Wahai orang-orang yang beriman, telah diwajibkan atas kamu puasa sebagaimana telah diwajibkan atas mereka sebelum kamu supaya kamu bertakwa.”

Dan memang tepat sekali majlis permesyuaratan rakyat sementara kita telah memutuskan, dalam salah satu syarat bagi seorang yang akan memegang jabatan menteri ialah takwanya, syukurlah.

Saudara-saudaraku!

Apakah antara lain-lain sifat orang yang bertakwa itu? Firman Ilahi menuliskan sebagai salah satu dari sifat orang yang bertakwa ialah, bahawa dia mampu mengendalikan dirinya dari nafsu, dalam menegakkan keadilan dan kebenaran. Dalam menegakkan hukum dia tidak pilih buku, tidak bergantung kepada senang atau tidak senangnya dia sendiri terhadap orang yang bersangkutan. Terang sekali petunjuk Ilahi mengenai takwa dalam menegakkan keadilan ini.

Yā ayyuhā al-kadhībna'innanū kānū qawwāmīna Lillāhi shuhadā'a bi al-qisṭi wa lā yajri mannakum shanānu⁶ qawmi 'alā allā ta'dilū i'dilū huwa aqrabu littaqwā wattaqū Allāha inna Allāha khabīru bimā ta'malūn

(al-Mā'idah 8)

“Wahai orang-orang yang beriman: hendaklah kamu jadi manusia yang

⁶ Perkataan sebenarnya adalah *shana'ānu*.

Khutbah Aidil Fitri

lurus, kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah kebencian kamu atas satu golongan, menyebabkan kamu bertindak tidak adil. Berlaku adillah, kerana yang demikian itu lebih dekat kepada takwa; bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah mengetahui akan apa yang kamu perbuat.”

Keadilan orang bertakwa bererti mengadakan keadilan atas dasar-dasar yang objektif, bukan atas dasar kepentingan sesuatu golongan, atau sesuatu keluarga.

Mari kita dengarkan peringatan Ilahi dalam hal ini:

Yā’ayyuha allahīna āmanū kunū qawwāmīna bi al-qisṭi shuhadā’a lillāhi walaw ‘alā anfusikum awi al-wālidayni wa al-aqrabīn. (al-Nisā’ 135)

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu orang-orang yang menegakkan keadilan, yang jadi saksi kerana ibu bapamu, dan kaum kerabatmu.”

Dengan lain perkataan: orang yang bertakwa menegakkan keadilan atas nilai-nilai moral yang *universal*. orang bertakwa tidak kenal apa yang disebut *double* moral, sebagai ukuran moral. “Bermuka dua”, moral serba muka yang kesudahannya menjadi moral kosong dan hampa.

Bagi seorang bertakwa, adil adalah adil, tidak ibarat kata: orang: “tiba di mata dipejamkan, tiba diperut dikempiskan.”

Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar.

Saudara-saudara!

Semata-mata perbezaan kepercayaan akan agama pun, bagi umat Islam bukanlah automatis menjadi halangan untuk boleh hidup berdampingan secara damai.

“Allah tidak melarang kamu berbuat baik, dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangi kamu dalam (urusan) agama, dan (orang-orang) yang tidak mengusir kamu keluar dari kampung halamanmu. Sesungguhnya Allah cinta kepada orang-orang yang berlaku adil.” (Al-Mumtahanah 8).

Bunyi firman Ilahi ini cukup jelas.

Bukan sekadar untuk hidup berdampingan dengan toleransi yang pasif sahaja, akan tetapi lebih positif dari itu; untuk berbuat baik, dan berlaku adil, antara satu sama lain, kita umat Islam, dianjurkan supaya tidak dihalangi oleh perbezaan agama.

-Berbuat baik dan berlaku adil: terhadap umat manusia tanpa diskriminasi agama dan kepercayaan!

Bagi kita umat Islam yang menimbulkan batas pemisah dalam pergaulan hidup bermasyarakat dan bernegara, dan antara – negara, **bukanlah** semata-mata perbezaan keyakinan agama, atau perbezaan kulit dan bangsa.

Yang menimbulkan batas pemisah ialah sikap permusuhan terhadap Islam dan umat Islam sendiri.

Islam dengan tegas mengakui kemerdekaan berfikir dan beriktikad.

(*tā ikrāha fi al-dīn*) Islam tidak mengizinkan memaksa-maksakan agama dan kepercayaan.

Sekali pun umat Islam itu di suatu masa, dan di satu tempat merupakan majoritas pun, mereka dilarang oleh ajaran-ajaran Islam, memaksa-maksakan kepercayaan dan keyakinan agama mereka kepada minoritas yang beragama lain dari Islam.

Bagi kita jaminan kebebasan memiliki keyakinan agama, bukan lagi harus berasal dari pertanyaan hak-hak asasi manusia dari P. B. B. (Persatuan Bangsa-bangsa) yang sekarang digembur-gemburkan itu.

Empat belas abad yang lalu umat Islam sudah saksikan, “Piagam Madinah,” ya’ni sebagaimana yang ditetapkan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* di kota Madinah, untuk meletakkan dasar-dasar bagi keragaman hidup antara – agama, di antara warganegara yang berbeza-beza agama.

Piagam Madinah itu adalah satu penjelmaan yang terang dari prinsip kemerdekaan beriktikad dan beragama itu menurut ajaran Islam.

Majoriti menurut kita umat Islam, bukan untuk menindas minoriti, tapi bertujuan untuk melindungi hak-hak mereka.

“Barang siapa menzalimi seorang kafir *dhimmi*, sesungguhnya dia memusuhi aku,” (Hadith).

Begitu pesan Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* sendiri, kepada umatnya,

Islam menentang tiap-tiap apa yang berupa diktator, termasuk apa yang disebut-sebut orang diktator majoritas.

Khutbah Aidil Fitri

Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar.

Saudara-saudara,

Diriwayatkan oleh seorang Sahabat

Nabi, Jabir bin Abdullah:

“Satu ketika ada orang membawa jenazah melewati kami, maka Rasul Allah bangkit dari duduknya dan berdiri tegak. Kami pun berdiri. Kami berkata: Ya Rasulullah, yang lewat itu adalah jenazah orang Yahudi. Maka Rasulullah menjawab: Apakah dia bukan seorang manusia? Apabila kamu lihat jenazah lewat, maka hendaklah kamu berdiri, sebagai penghormatan.”

Peristiwa demikian cukup berbicara sendiri dengan jelas. Tak usah keterangan lagi.

Pada suatu kali seorang Yahudi mendatangi Khalifah ‘Umar mengadukan halnya dalam keadaan sulit. Khalifah membawanya sendiri langsung ke rumahnya, dan berdirinya apa-apa yang dapat diberikannya, lalu disuruhnya pergi ke Baitulmal dengan pesan:

“Innamā al-ṣadaqātu lil fuqarā’ wa al-masākīn, wa hadhā masākīn ahli al-kitāb.”

“Sesungguhnya zakat itu adalah untuk fakir dan miskin, dan *zi*⁷ ini adalah seorang yang miskin dari ahli kitab.”

Ia mendapat bahagiannya dari Baitulmal, tanpa disyaratkan pula lebih dahulu, supaya dia mahu meninggalkan agama yang dianutinya, dan masuk Islam.

Peristiwa ini biasa berbicara dengan sendirinya pula.

Satu peristiwa lagi.

Khalifah Ali pada satu kali

kehilangan pakaian besinya. Setelah beberapa waktu, kelihatan olehnya baju besinya itu ada pada seorang penduduk beragama Nasrani. Lalu mintanya baju besinya itu dengan perantaraan hakim, pengadilan, yang bernama Shura’ih. Di hadapan hakim orang itu berkata: “Mana buktinya Amir al-Mukminin, bahawa baju besi ini memang dia yang punya? Khalifah Ali berkata: “Sesungguhnya saya tidak mempunyai bukti.” Hakim memutuskan pakaian itu tetap kepunyaan orang Nasrani itu selama tidak ada yang membuktikannya, sebaliknya Khalifah ali tunduk kepada hakim. Tak ada sedikit pun terlintas di hatinya untuk menggunakan kekuasaannya sebagai penguasa, mengambil sahaja barangnya itu kembali tanpa hukum, atau mempengaruhi hakim untuk menguntungkan dirinya.

Yang memegang baju besi itu terharu melihat berlakunya kepastian hukum demikian itu. Demikian terharunya sehingga setelah ia berjalan beberapa langkah, meninggalkan mahkamah, dia kembali sambil berkata:

“Aku saksikan bahawa inilah dia hukum pada Nabi. Amir al-Mukminin menuntut aku pada hakimnya dengan bebas menjatuhkan vonis yang merugikannya.

Spontan dikembalikannya baju besi itu kepada Ali, dengan keterangan bahawa memang baju itu didapatinya di waktu dia mengikuti jejak tentera yang sedang dipimpin oleh Khalifah Ali beberapa waktu yang lalu. (Diucapkannya kalimah shahada: **“Ashhadu an lā ilāha illā Allāh wa ashhadu anna Muḥammadā Rasūl Allāh”**)

Khalifah Ali lalu memberikan baju besinya kepada orang itu sebagai hadiah.

Kemerdekaan hakim terjamin dalam rangka satu sistem pembahagian kekuasaan. (Trias Politica, namanya kata orang sekarang). Yang berdaulat adalah hukum, tanpa kenal diskriminasi. Orang sekarang menamakannya ini “Rule of Law”. Kita bertanya: kalau pengertian trias politica dan rule of law ini suatu dasar bagi tatacara bernegara yang moden. – Kita bertanya: kenapakah, - gerangan Islam itu harus dikepinggirkan pula dulu, kalau hendak memodensirkan negara kita ini?

Begitu pelaksanaan keadilan dan pelaksanaan akhlak yang tinggi terhadap siapa sahaja tanpa diskriminasi.

Peristiwa-peristiwa ini beberapa ilustrasi dari pelaksanaan tuntutan Ilahi yang diberikan kepada Junjungan kita Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dan kepada kita sendiri sebagai pengikut beliau. Yakni supaya menyampaikan kepada sesama warganegara kita Ahli Kitab:

“Wa qul āmantu bimā anzala Allāhu min kitāb wa ‘umirtu li‘adila baynakumu. Allāhu rabbunā wa rabbukum, lanā a‘malunā wa lakum a‘mālukum, lā hujjata baynanā wa baynakum, Allāhu yajma‘u baynanā wa ilayhi al-maṣīr (al-Shūrā 15).

“Katakanlah! Aku beriman kepada apa sahaja kitab yang Allah telah turunkan dan aku diperintah supaya berlaku adil terhadap saudara-saudara. Allah adalah Tuhan kami dan Tuhan saudara-saudara. Tidak ada persengketaan (agama) antara kita. Allah akan menghimpun kita semua. Dan kepadanya jualah kita akan kembali.”

⁷ Perkataan sebenarnya adalah dia.

Khutbah Aidil Fitri

Rasulullah dan kita sebagai umatnya, diperintahkan berseru kepada sesama manusia keluarga Allah yang ahli al-kitāb.

Qul yā ahlā al-kitābi ta‘ālaw ilā kalimatī sawā‘ī baynanā wa baynakum allā na‘buda illā Allāha wa lā nushrika bihi shay‘ā wa lā yatakhidha ba‘ḍunā ba‘ḍā arbāba min dūni Allāh. Fa’in tawallaw faqūlu ashhadu bi’annā muslimūna. (Āli ‘Imrān 64).

“Wahai Ahli Kitab! Marilah kita kembali kepada kalimah yang adil (titik pertemuan) antara kita sama kita, iaitu janganlah kita menyembah selain daripada Allah. Dan janganlah kita menyengutukan sesuatu dengan dia, dan janganlah sebahagian dari kita jadikan sebahagian lainnya sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah . . dan apabila mereka berpaling, maka katakanlah: -saksikanlah bahawa kami (adalah) orang Islam!”.

Demikianlah seruan kita, dengan tulus dan ikhlas. Sekalipun jika saudara-saudara menolak seruan mencari titik pertemuan itu, tidak apa. Kita akan masih dapat hidup berdampingan secara damai, dan tenteram. Hanya satu sahaja permintaan kami: ***“ashhadū bi’annā muslimūn”***.

“Saksikanlah (dan akuilah) bahawa kami ni adalah orang-orang Muslimin.”
Yakni orang-orang yang sudah memeluk agama. Agama Islam. Orang-orang yang sudah mempunyai identitas, ya‘ni Islam. Janganlah identitas kami saudara-saudara ganggu! Jangan kita ganggu-mengganggu dalam soal agama ini. Agar agama jangan menjadi pokok sengketa

yang sesungguhnya tidak perlu dan semestinya begitu. Marilah saling hormat-menghormati identitas masing-masing. Agar kita tetap berteman dan bersahabat baik, dalam lingkungan *‘iyālu Allāh*, keluarga yang satu itu.”

Kita umat Islam tidak menganggap musuh terhadap orang-orang yang bukan Islam. Tetapi tegas pula Allah *Subḥānahu wa Ta‘ālā* melarang kami bersahabat dengan orang-orang yang mengganggu agama kami, agama Islam. Malahan kami akan dianggap zalim bila berbuat demikian.

“Immanā yanhākumu Allāhu ‘ani alladhīna qātalukum fi al-dīni wa akhrajūkum min diyārikum wa zāharū ‘alā ikhrājikum an tawallawhum. wa man yatawwallahum fa’ulūka humu al-zālimūn. (Al-Mumtaḥanah 9).

“Tidak lain melainkan orang-orang yang menyerang kamu di dalam urusan agama, dan mengusir kamu keluar dari kampungmu; Allah larang kamu menjadikan mereka sahabat; dan barang siapa jadikan mereka sahabat, maka mereka itu ialah orang-orang yang zalim.”

Begitu peringatan Allah *Subḥānahu wa Ta‘ālā* kepada kita umat Islam.

Dengan sepenuh hati, kita mengharapkan supaya saudara-saudara kita suarga yang beragama Masihi, tidaklah hendaknya mempunyai hasrat, sebagaimana idaman-idaman golongan tertentu dan kaum Yahudi dan Nasrani yang diselar dalam al-Qur’an:

Wa lan tarqā ‘anka al-yahūdu wa lā al-naṣārā ḥattā tattabi‘a millatahum. (Al-Baqrah 120)

“... dan orang Yahudi dan Nasrani tidak akan suka kepadamu, kecuali bila engkau turut agama mereka.”

Mudah-mudahan janganlah demikian, kalau demikian, maka akan putuslah tali persahabatan kita, akan putus pula tali suka dan duka yang sudah terjalin selama ini antara kita semua.

Jangan-jangan nanti jalan kita pun bersimpang dua! Dengan segala akibatnya yang akan menjadikan.

Kadang-kadang antara saudara dan saudara, ada baiknya kita berbicara berpahit-pahit. Ya‘ni, yang demikian tidakkan dapat kami lihatkan sahaja sambil berpangku tangan.

Sebab kalaulah ada suatu harta yang kami cintai lebih dari segala-galanya itu, ialah agama dan keimanan kami. Itulah yang hendak kami wariskan kepada anak cucu dan keturunan kami. Harta kami ini diwajibkan Allah *Subḥānahu wa Ta‘ālā* untuk menjaga dan jadilah agama itu kerana Allah semata-mata.

Ḥattā lā takūna fīnatu wa yakūna al-dīnu Lillāh (Al-Baqarah 193)

Kalau boleh dengan teman bersama-sama. Kalau tidak, seorang diri – sebatang kara.

Sesuai dengan firman Allah, yang berbunyi:

Qul innamā ā‘izukum bi wāḥidati. An taqūmu Lillāhi mathnā wa furādā thummā tafakkarū.

(Sabā’ 46).

Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar.

Walaupun bagaimana, pada hari raya Aidil Fitri dan tahun baharu Masihi ini, dua hari raya yang dirayakan oleh umat Islam dan umat Masihi seluruh dunia, serentak bersama, kita penuhkan doa kita

Khutbah Aidil Fitri

ke hadrat Allāh *Subhānahu wa Ta'ālā* dengan penuh ikhlas.

Semoga Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* berkenankan kita dapat jua menjumpai di tanah air kita ini kaum yang dilukiskan dalam firman Allah, sebagai kaum yang paling karib dengan kita umat Islam, yakni:

Latajidanna aqrabahum waktubadhihū qālū

*innā naṣarā*⁸ (Al-Ma'idah 82)

“Kamu akan pasti jumpa segolongan manusia yang paling akrab, cinta persahabatan dengan orang-orang yang beriman. Iaitu mereka yang berkata: Sesungguhnya kami ini adalah umat *Naṣārā*.”

Dhalika bi'anna minhum qisṣīṭna

wa ruhbānā wa'annahum lā yastakbirūn.

(Al-Ma'idah 82)

“Makanya demikian, ialah lantaran mereka ada pendita-pendita dan *ruhbān*, dan lantaran mereka tidak bersifat sombong.”

Mudah-mudahan yang demikianlah, sifatnya.

Bukan yang tak boleh senang duduk, kecuali bila sudah dapat mengkristiankan orang-orang yang sedang menganut agama Islam *na'ūdhu bi Allāhi min dhalik.*

Allāhumma, wahai Tuhan kami

perkenankanlah doa kami ini, *Āmin.*

Yā rabba al-'ālamīn!

Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar.

Allāhumma a'izzā al-Islām wa al-muslimīn

wa akhdhil al-fakarata a'dā'a al-dīn Allāhumma

iṣlah al-rā'ī wa al-ra'yata wa aj'al

biladatinā hadhihi wa sā'iri bildāni

al-Muslimīn rukhyata muḥammīyyat

min kulli fitnata wa marḍa wa baliyyat

Wa aj'alnā min sa'dā'a al-dāriyān fī

'āfiyata wa salāmata yā dhā al-jalāl

wa al-'izzata wa la-raḥmata, rabbanā iḡfirlanā

wa lā khawwananā alladhīna sabaqūnā bi al-'īmān

wa lā taj'al fī qulūbinā ḡhillā alladhīna

āmanū rabbanā innaka ra'ūfu al-raḥīm,

Allāhumma iḡfir lil-muslimīna wa al-muslimāt

wa al-mu'minīna wa al-mu'mināti al-aḥyā'

minhum wa al-amwāt innaka samī'u mujību


al-da'wāt rabbanā atinā fī al-dunya ḡasanatī

wa fī al-akhirati ḡasanatī wa qinā 'adhāba

al-nār, wa ṣallā Allāhu wa sallim 'alā sayyidinā

Muḥammad wa 'alā alihi wa ṣaḡbihi ajma'īn.

Wa al-ḡamduli'Līhi rabbi al-'ālamīn.



Sebelum mereka diusir keluar dari kampung halaman dan rumahtangga mereka orang-orang pelarian Palestin ini dikumpulkan di suatu tanah lapang untuk diperiksa oleh tentera-tentera Yahudi kerana ada di antara mereka dicurigai menjadi anggota pasukan tentera Pembebasan Palestin.

⁸ Ayat sebenar ialah: *Latajidanna aqrabahum mawaddata lilladhīna āmanū aladhīna qālū innā naṣarā*

Bentuk Masyarakat yang Dikehendaki Islam

Bentuk dan corak masyarakat yang dikehendaki Islam adalah berlainan dari bentuk dan corak masyarakat Kapitalis yang dibawa oleh bangsa-bangsa Barat, kerana masyarakat Kapitalis terlalu mendewa-dewakan kaum bangsawan dan menekan umat kaum bawahan. Begitu pula berbeza dari bentuk dan corak masyarakat Komunis, yang mana terlalu menyekat hak-hak kebebasan umat manusia. Sedangkan masyarakat yang dikehendaki oleh Islam ialah sebuah masyarakat yang menjamin keadilan dalam kehidupan segenap lapisan warga masyarakat. Bukan untuk melahirkan jurang pemisahan dan pertentangan antara mereka, lebih-lebih lagi tidak bertujuan untuk menyekat hak-hak asasi umat manusia.

————— Muhammad Kamil Haji Abdul Majid – Ma'had Muhammadi —————

Demokrasi yang tulen sejati :

Apa yang dikehendaki oleh Islam ialah sebuah pemerintahan yang dijalankan menurut lunas-lunas keislaman. Setiap anggota warga masyarakat itu berhak menjalankan pemerintahan Islam dengan tidak melanggar hukum-hukum Islam yang telah dibataskan. Islam membawa dasar demokrasi tulen yang mana meletakkan fikiran orang ramai di bawah telapak agama, bukannya sebagaimana demokrasi yang difahami dan menjadi pegangan orang-orang Barat yang meletakkan fikiran orang ramai sebagai sumber mutlak dalam pemerintahan biar pun jauh menyeleweng dan terpesong dari garis-garis kebenaran dan kemanusiaan.

Bentuk dan corak masyarakat yang dikehendaki Islam tidaklah pula sebagaimana masyarakat Komunis yang menyekat kebebasan berfikir di kalangan orang ramai, tetapi Islam menjadikan permesyuaratan dan perundingan sebagai dasar utama dalam pemerintahan. Ini telah dijalankan semenjak Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* memegang teraju pemerintahan lagi.

Selain dari itu masyarakat yang dikehendaki Islam memperwajibkan ke atas tiap-tiap anggota warga masyarakat

mematuhi kepada pemimpin-pemimpin selagi dia tidak melakukan pemesongan, tetapi seandainya dilakukan penyelewengan maka dengan tersendirinya gugur segala tanggungan taat setia yang diwajibkan oleh Islam itu.

Hubungan sosial yang luas :

Dalam sebagai hubungan sosial, Islam membawa seluruh warga masyarakatnya ke arah persefahaman perpaduan hidup harmonis, hormat-menghormati, dan saling bekerjasama sesama mereka. Tegasnya Islam menghendaki sebuah masyarakat yang padu, tahan uji dan lasak menghadapi sebarang pencerobohan dan seribu ancaman. Islam tidak menghendaki sebuah masyarakat yang sentiasa berada dalam percakaran dan pertelagahan yang tak habis-habis.

Hubungan sosial ini bukanlah hanya terbatas kepada orang-orang Islam sahaja, malah menyeluruhi setiap anggota warga masyarakat, biar apa bangsa, agama, keturunan dan warna kulit sekalipun. Sebagai kenyataan kita sama-sama dapat membuka lembaran sejarah di mana Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* pernah membuat *treaty*

perjanjian dengan orang-orang Yahudi untuk menjaga kota Madinah dari sebarang serangan dan pencerobohan luar dan untuk menjaga sebarang anasir jahat dan gejala-gejala buruk yang timbul dari dalam negeri.

Kestabilan ekonomi Islam :

Dalam bidang ekonomi, masyarakat yang dikehendaki Islam adalah mengakui tentang adanya hak milik individu yang terjamin sebagaimana kapitalis, tetapi bezanya masyarakat Kapitalis memberi kebebasan mutlak dalam kegiatan ekonomi perseorangan tanpa diganggu gugat oleh sesiapa pun, biar pun secara tidak halal dari kaca mata kemanusiaan. Sedangkan masyarakat yang dikehendaki Islam tidak mahu berkumpulnya kekayaan di tangan segelintir manusia sahaja. Islam mahu masyarakatnya menjaga kestabilan ekonomi.

Di samping itu masyarakat Islam memberi hak milik umum sebagaimana Komunis, tetapi bezanya Islam meletakkan pada perkara-perkara yang terlalu penting sahaja, seperti jambatan jalan raya, elektrik dan umpamanya, serta tidaklah pula menahan sebarang

Bentuk Masyarakat ...

kegiatan ekonomi perseorangan

sebagaimana masyarakat Komunis.

Tegasnya masyarakat yang dikehendaki

Islam membawa sistem-sistem ekonomi

yang memberi hak-hak asasi manusia

dalam memiliki harta dan memberi

pula hak persamaan menikmati

kebahagiaan hidup dalam masyarakat.

Ekonomi yang membawa

kebahagiaan hidup :

Suatu lagi keistimewaan yang

dilahirkan oleh masyarakat yang

dikehendaki Islam ialah adanya

sistem persedekahan (Zakat) yang mana

sistem ini adalah satu-satunya jalan

yang paling tegas untuk menuju ke arah

sebuah masyarakat yang menjamin

kebahagiaan hidup, keadilan,

keamanan timbang rasa dan bekerjasama.

Kini, sebagai angkatan umat

Islam yang ingin bangun kita

harus sama-sama mengukur setiap

inci kehendak-kehendak masyarakat Islam

untuk melahirkan masyarakat yang benar-benar

mendukung kehendak Islam.

– Baldatu tayyibatu wa rabbu ghafūr – Wa biLlāhi

al-tawfiq.

Keterangan gambar

Muka dua :

Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman

Putra al-Haj sedang berucap di dalam

majlis pembukaan Pertandingan Membaca

al-Qur'an al-Karim pada bulan Ramaḍān yang

lalu.

Muka belakang :

Kumpulan nasyid wanita yang di bawah

pimpinan Ustaz Hasan Azhari

BUKU BARU

SUDAH SIAP

ISLAM

PEMELUK DAN ULAMA-NYA

- * MENGANALISA dengan tegas tentang kejahilan Pemeluk2 Islam terhadap hukum ugama yang mereka anuti, sa-hingga mereka menjadi suatu ummat yang mundur di-dunia ini
- * MENGUPAS dengan panjang lebar tentang kelebihan, kemantapan dan keindahan undang2 Islam chiptaan Tuhan dari undang2 dunia chiptaan manusia.
- * MENENTANG dengan keras ka-atas orang2 yang menda'wa hukum2 dalam Shari'at Islam itu tidak sesuai lagi di-praktekkan dalam zaman moden ini.
- * MENGKERITIK dengan terus terang terhadap Pemembesar2 Negara Pemimpin2 Islam dan Para Ulama'-nya yang tidak mahu bertanggung jawab menegakkan sa-buah negara yang berchorak Islam.
- * TEBAL-NYA 175 muka, berkulit tebal warna warni. Di-chetak dalam huruf rumi dengan menggunakan jalan bahasa yang mudah di-faham oleh semua golongan masharakat.

Harga Sa-buah \$3.00

Pos 20 sen.

Pesan-lah kepada

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.

Islam dan Muda-mudi Hari Ini

Ini adalah makalah yang kedua kita petik secara langsung dari buku cenderamata “Menara” yang diterbitkan oleh pelajar-pelajar Kolej Islam Kelang.

Di dalam makalah ini penulis saudara Zairis M.S. membongkar dan menganalisa tentang sebab-sebab

mengapa pemuda-pemudi Islam di zaman Sputnik dan Apollo semakin menyeleweng jauh meninggalkan

ajaran-ajaran Islam?

Kupasan-kupasan yang sebegini tepat dan jitu seharusnya mendapat perhatian berat dari golongan pemuda-

pemudi kita yang sedang mabuk diayun gelombang kebudayaan Barat yang akan menjerumuskan mereka ke jurang

kerendahan moral dan keruntuhan budi pekerti – Pengarang.

~~~~~  
Oleh: Zairis M.S.  
~~~~~

Di persimpangan jalan:

Masyarakat Melayu keseluruhannya adalah penganut agama Islam. Jadi amnya kita mengenal orang-orang Melayu itu adalah orang-orang Islam, dan pemuda-pemudi kita juga adalah pemuda-pemudi Islam, yang sewajarnya tidak hanya sebagai Islam akuan atau pada lahir sahaja tetapi juga Islam dalam praktiknya. Saya suka mengkhususkan tulisan saya ini tentang pemuda-pemudi hari ini adalah lantaran telah tampak kepada kita amat longgarnya pegangan dan konsep mereka tentang keislaman dan ketuhanan. Memperkatakan hal tersebut bukan pula ertinya seluruh pemuda-pemudi, kerana ramai juga pemuda-pemudi kita yang sedar dan insaf akan kewajibannya terhadap agama dan Tuhannya.

Sebagaimana yang kita ketahui sekarang ini, sebilangan besar pemuda-pemudi kita telah mengabaikan kalau pun tidak melupakan kewajipan mereka terhadap Tuhannya, mereka mengaku sebagai orang Islam tetapi tidak menunaikan kewajipan yang

disuruh di dalam Islam, bila saya katakan kewajipan terhadap Tuhan, bukanlah bererti kita, mesti membilang tasbih setiap masa, bukan ertinya setiap masa kita itu kita penuhkan dengan ibadah sahaja. Tuhan sendiri pun tidak membenarkan sepanjang waktu kita berada di tikar sembahyang. Sebaliknya di samping menunaikan kewajipan terhadap-Nya, Tuhan menggalakkan pula hamba-Nya mencari habuan di permukaan bumi ini bagi menyarakan hidupnya dan kehidupan keluarganya sendiri.

Seperti yang kita saksikan hari ini, pemuda-pemudi Islam kita sudah berada di satu persimpangan jalan yang jauh dari ajaran-ajaran dan lunas-lunas keislaman. Bukan sahaja mereka abai atau sengahaja tidak mahu menunaikan kewajipan mereka sebagai seorang Islam, malahan banyak larangan-larangan dalam Islam mereka perlakukan, lagak dan sikap mereka kadang-kadang menunjukkan mereka tidak mempunyai keperibadian Islam. Walau macam mana pun dalam hal ini saya tidak semata-mata menyalahkan mereka. Tentu ada beberapa faktor yang menyebabkan

mereka kehilangan pedoman dan kurangnya keimanan di dalam jiwa mereka. Sebab-sebab itu di antara lain ialah: adanya pengaruh dari Barat, tidak adanya pendidikan agama yang tersemi dalam jiwa mereka, adanya pengaruh sains dan teknologi dan timbulnya anggapan yang salah terhadap konsep keagamaan dan ketuhanan.

Pengaruh Barat:

Banyak muda-mudi berpendapat bahawa setiap yang datang dari Barat itu adalah baik belaka. Kita pasti mengikuti apa juga yang datang dari Barat. Pembaharuan-pembaharuan yang mereka bawa sahaja dapat dinamakan kemajuan. Kalau kita masih diselimuti dengan corak hidup lama, ertinya kita tidak mempunyai kemajuan, kita akan dipanggil sebagai satu generasi yang beku dan statik. Pendapat semacam ini adalah satu pendapat yang ekstremis. Pendapat yang timbul dari fikiran sempit, tegasnya pendapat yang tidak mempertimbangkan buruk baik sesuatu perkara itu.

Islam dan Muda-mudi ...

Kita tidak menepikan bahawa yang datang daripada Barat itu ada baiknya tetapi tidak kurang pula buruknya dipandang dari segi kaca mata keislaman dan masyarakat ketimuran. Kemajuan-kemajuan dari segi pembangunan, ilmu pengetahuan sains, *engineering*, bahasa dan seumpamanya memang banyak menguntungkan dan memberi faedah kalau benar-benar kita mengikuti dan mencontohinya, tetapi yang mendukacitakan tidak ramai pula muda-mudi kita yang berlumba-lumba mencontohi dan meneroka lapangan tersebut. Sebaliknya mereka berlumba-lumba pula memperkembangkan dan mengamalkan kebudayaan yang datang dari Barat, sosial dan cara pergaulan Barat mereka praktikkan sungguh-sungguh, tarian-tarian, pakaian-pakaian, lagak dan sikap orang Barat mendapat tempat dalam jiwa muda-mudi kita hari ini dan dengan cepat meresap lalu lahir ke tengah masyarakat. Sebab itu sekarang ini di mana-mana biasa kita saksikan tarian-tarian *a-go-go*, *twist*, *dancing* dan lain-lain lagi. Dalam hal pakaian pula selalu kita lihat para pemudi kita memakai pakaian yang mendedahkan sebahagian besar aurat mereka. Pakaian-pakaian yang sekerat-sekerat menjadi kegemaran. *Mini skirt*, gaun dan lain-lain menjadi tontonan di hadapan orang ramai. Lalu dalam wajah mereka seolah-olah melukiskan bahawa inilah dia erti kemajuan dan inilah dia erti tamadun. Mereka yang masih tetap dengan keaslian kebudayaannya, mereka yang masih tetap dengan tarian mak inang, zapin, ronggeng adalah orang-orang yang kolot yang tidak mengikuti peredaran

zaman. Mereka yang memakai pakaian baju kurung, tudung, kebaya labuh dan lain-lain adalah menunjukkan orang yang masih mundur. Alangkah rendahnya kebudayaan kita dan alangkah terhinanya agama kita.

Fahaman dan pendapat semacam inilah yang sebenarnya yang patut dihapuskan dari kalangan muda-mudi kita. Mereka sepatutnyalah faham dan mengerti bahawa apa yang baik di Barat tidak semestinya baik di Timur, dan apa yang baik di Timur tidak semestinya pula disukai oleh orang-orang Barat. Kita berdiri di dalam iklim masyarakat yang berbeza, sudah tentu pula corak kebudayaan, sosial dan suasana kehidupan kita dengan kehidupan masyarakat Barat berbeza. Hanya masyarakat yang tahu menghargai kebudayaan bangsanya dan masyarakat yang mengamalkan cara bersosial mengikut lunas-lunas agama dan adat istiadat bangsanya akan dapat menjadi masyarakat yang mulia, terhormat dan agung.

Pengaruh Barat seperti yang disebutkan tadi adalah faktor penting menyebabkan pemuda-pemudi kita lalai akan kewajipan mereka terhadap agama dan Tuhannya.

Pendidikan agama:

Pendidikan adalah faktor yang penting dalam membentuk peribadi seseorang. Pendidikan banyak mempengaruhi pandangan, konsep, pendirian dan amalan. Seseorang yang mendapat pendidikan Inggeris umpamanya tanpa pernah mempunyai asas-asas pendidikan agama baik secara langsung atau pun tidak langsung, sudah tentu ia akan merasa sukar

untuk mempraktikkan kehendak-kehendak dan ajaran agama. Oleh kerana jiwa mereka tidak pernah tersemam ajaran dan semangat keislaman, malah mungkin tidak pernah mendengar apa itu Rukun Iman dan tidak pernah tahu berapa perkara Rukun Islam. Hal yang demikian menyatakan menyebabkan mereka menjauhkan diri dari agama apa lagi mempraktikkan ajarannya. Golongan semacam ini biasa melahirkan apa yang dinamakan "*free thinker*" dalam masyarakat kita.

Golongan kedua ialah mereka yang mempunyai asas pendidikan agama di samping pendidikan Inggerisnya. Tetapi barangkali oleh kerana mereka memikirkan bahawa pendidikan Inggeris itu lebih tinggi martabatnya daripada pendidikan agama lantas mereka memandang sepi terhadap ajaran-ajaran agama Islam. Mungkin juga setengah mereka berpendapat bahawa dengan mengerjakan rukun-rukun Islam mereka akan merasa terhina. Kepada mereka agama hanya perlu untuk satu-satu waktu yang tertentu, atau tegasnya dua waktu yang terpenting di mana mereka dengan secara terpaksa atau tidak boleh mengeketepikan agama, iaitu waktu hendak berakad nikah selain itu waktu mati. Sama ada si mati itu tidak pernah mengerjakan suruhan Tuhan atau keluarga orang yang mati itu sendiri tidak pernah menunaikan perintah Tuhan, mahu atau tidak ia mesti juga dimandikan, dikafankan, disembahyangkan dan dikuburkan diperkuburan orang-orang Islam.

Golongan semacam ini tidak kurang banyak terdapat di dalam masyarakat kita. Ramai pemuda-pemudi kita hari

ini mempunyai sikap yang demikian rupa.

Sememangnya kita mengetahui bahawa belum tentu orang yang mengerjakan suruhan Tuhan itu dapat masuk syurga dan belum tentu pula orang yang tidak mengerjakan suruhan-Nya itu akan dimasukkan ke kawah neraka. Perkataan itu memang betul, tetapi secara logiknya, kalaulah orang yang mengerjakan suruhan Tuhan itu belum tentu diterima amalan ibadahnya dan tipis harapan untuk mendapat rahmat dan balasan bahagia di hari kemudian, bagaimana pula dengan orang-orang yang tidak pernah langsung mengerjakannya? Dapat dinisbahkan kalau misalnya orang yang belajar dengan secara bersungguh-sungguh itu belum dapat dipastikan lulusnya di dalam peperiksaan, bagaimana pula dengan orang-orang yang tidak pernah membaca buku pelajarannya?

Walau macam mana pun, baik apa jua pendidikan; Inggeris, Cina, Hindu, Melayu, Arab bukanlah menjadi ukuran untuk ia menunaikan atau tidak suruhan Tuhan. Cuma apa yang saya katakan tadi adalah majoritinya yang nampak di mata kita hari ini. Pada hemat saya, yang penting ialah kuat tidaknya asas agama dalam jiwa seseorang itu. Kalau asas agamanya kuat walau ia berada di England atau Rusia, namun suruhan Tuhan tetap tidak akan diabaikannya.

Golongan yang ketiga ialah mereka yang sejak kecilnya hingga dewasa diasuh dengan didikan dan ajaran-ajaran agama. Dalam zaman ini, ramai antara mereka

yang berpandangan progresif. Mereka menunaikan kewajibannya terhadap Tuhan dengan cara yang paling sederhana, maksud saya, tidaklah mereka lagi membaca wirid berjambam lamanya dan tidak lagi mereka membaca doa yang berjela-jela panjangnya.

Mereka adalah pemuda-pemudi Islam hari ini. Seharusnya merekalah yang mengembangkan syiar Islam dan membimbing muda-mudi yang telah tersesat dan terpesong jauh dari ajaran Islam dengan cara yang paling berkesan, moden dan logik.

Sains dan Teknologi:

Adanya perkembangan dan kemajuan sains dan teknologi juga menyebabkan kurangnya keyakinan dan kepercayaan pemuda-pemudi kita terhadap ketuhanan. Setengah pemuda-pemudi kita yang dapat dianggap sebagai terpelajar dan intelek telah melihat betapa sains dan teknologi telah dapat membuat perkara ajaib. Angkasa telah dapat ditembusi, sementara bintang dalam sedikit masa lagi akan dapat pula dihuni oleh manusia. Jadi dalam diri mereka timbul persoalan: "Di manakah kebesaran dan keagungan Tuhan kalau bulan dan bintang yang jauhnya beribu-ribu batu itu dapat dijelajahi oleh manusia?" Sebenarnya penerokaan dan penjelajahan itu bukanlah suatu perkara yang mustahil. Di dalam al-Qur'an terhadap ayat-ayat yang menggalakkan manusia menjelajahi angkasa, cakerawala dan bumi mengikut kemampuan manusia itu sendiri. Tidak pernah al-Qur'an menyebut perkara itu sebagai mustahil. Tetapi nyawa adalah

sesuatu yang tidak boleh dicipta oleh manusia. Al-Qur'an pernah menegaskan hal ini dengan ayat yang maksudnya: "Mereka itu bertanya kepadamu tentang nyawa, katakanlah nyawa itu adalah urusan-Ku." [Surah al-Isrā' ayat 85].

Ahli-ahli sains boleh memindahkan jantung seseorang yang telah mati kepada seseorang yang masih hidup, mereka dapat menggantikan mata orang yang telah buta dengan mata orang yang celik, tetapi tanyalah, sekali lagi saya tegaskan, tanyalah kepada ahli sains; "Adakah mereka sanggup pula menciptakan nyawa seseorang manusia di tabung uji, adakah mereka sanggup menghidupkan semula orang yang telah mati?" Tentu jawabnya: "Tidak sanggup dan tidak boleh." Jadi kemampuan dan kesanggupan ahli sains masih terbatas lagi, sesuai dengan firman Tuhan seperti yang disebutkan tadi. Di sini jelaslah tentang keagungan, kekuasaan dan kebesaran Tuhan, adalah mengatasi segala keagungan, kekuasaan makhluk yang dijadikan-Nya.

Dengan alasan yang demikian, kita menyeru mereka yang tipis keimanannya lantaran adanya perkembangan dan kemajuan sains di dunia hari ini agar kembali dan tunduk di bawah kebesaran Tuhan yang Maha Esa.

Konsep Terhadap agama:

Lain-lain faktor yang menyebabkan mereka abai akan kewajipan-kewajipan terhadap Tuhannya, ialah anggapan muda-mudi hari ini tentang konsep beragama. Mereka berpendapat bahawa agama hanya menyebabkan kemunduran umat Islam

Islam dan Muda-mudi ...

dan kekalahan di dalam banyak lapangan dari umat-umat lain di dunia.

Sebenarnya jika ditinjau dari segi sejarah, agama Islam tidak pernah menyebabkan umat Islam mundur dan kalah dalam apa medan jua pun. Tetapi agama Islam telah menyebabkan umat Islam terkenal di seluruh dunia sebagai umat yang berkebolehan dalam banyak lapangan, baik dari ilmu sains, kedokteran, falsafah, sastera, geografi dan lain-lain. Ini berlaku

dalam kurun kedua Hijrah. Tetapi bila umat Islam meninggalkan ajaran-ajaran Islam maka mereka telah mulai mundur, mereka telah mulai tewas dan mereka telah mulai dikalahkan dalam banyak medan perjuangan hidup di dunia. Islam hanya akan kembali ke zaman keagungannya, bila umat Islam bersedia mempraktikkan ajaran-ajaran yang dibawanya dan menunaikan kewajipan asasi mereka terhadap Tuhan yang Maha Kuasa.

Jadi pemuda-pemudi kita hari ini haruslah sedar, bahawa mereka juga adalah sebahagian kecil

dari masyarakat Islam di seluruh dunia, mereka haruslah insaf bahawa kemunduran bukan berpunca dari agama Islam, tetapi ialah dari kelalaian, kelengahan dan keabaian mereka sendiri. Kekuatan keimanan adalah menjadi tiang teras untuk membangunkan segala-galanya.

Sekian sahaja semoga tulisan ini dapat sebanyak sedikit memberikan kesedaran dan keinsafan di sanubari pemuda-pemudi kita semua.

SUDAH TERBIT!

Kesah2 Dari Sejarah Islam Untok Bacaan Kanak2

Isi-lah Almari "TAMAN BACHAAN" anak tuan2 di-rumah dan di-sekolah2 dengan buku2 cherita yang berdasarkan pendidekkan Islam. Mendidek jiwa kanak2 ka-arrah semangat chintakan Islam ada-lah kewajipan ibu bapa dan guru2. Galakkan-lah anak tuan2 membacha buku "Siri Kesah Tokoh2 Sejarah Islam" yang kami susun khas untok bacaan kanak2 bagi menambah pengetahuan mereka memperkenali Tokoh2 Islam di-zaman silam.

Buku ini kami terbitkan dengan chara bersiri2 dan akan di-terbitkan terus menerus dari suatu masa ka-suatu masa.

Siri	I	:	RUPA YANG BUROK	40 sen.
"	II	:	RAHSIA TERBUKA	50 "
"	III	:	MENJINAKKAN	50 "
"	IV	:	GABNOR dan HAKIM	60 "
"	V	:	DUSTA YAHUDI	40 "
"	VI	:	MENCHARI YANG HALAL	40 "
"	VII	:	IBNU SINA (Sedang di-sapkan)
"	VIII	:	KHAULAH dengan SUAMI-NYA	...	"	
"	IX	:	DI-PENCHILKAN	...	"	

Tiap2 pesanan tambah wang stem 10 sen.

(Untok satu siri).

Pesan-lah kapada:

QALAM
8247, Jalan 225
Petaling Jaya,
SELANGOR.

Al-Qur'ān Sumber Keislaman yang Tulen Sejati

Al-Qur'ān gah masyhur seluruh dunia, khususnya di kalangan umat-umat Islam kita. Al-Qur'ān sumber keislaman yang tulen yang penuh dengan aneka pengetahuan, melengkapi peraturan-peraturan dan kerukunan kehidupan di dalam maya pada yang serba-serbi dalam pergolakan. Al-Qur'ān kitab suci wahyu ketuhanan, yang diturunkan kepada Junjungan penganjur keislaman, iaitu Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* sebanyak tiga puluh juzuk. Untuk menjadi panduan perlembagaan, khususnya kepada seluruh manusia, yang mahu mencari yang luhur, tanpa menyeleweng dari landasan yang sebenarnya, kerukunan hidup yang kritis lagi dinamik.

(Oleh: Hasan Muhammad Amin)

Para Sahabat Bimbang:

Sejak dari kelahiran Rasulullah, hingga sekarang ini, hikmah al-Qur'ān sedia terpelihara dari pindaan oleh golongan-golongan manusia yang munafik. Di zaman Rasulullah tiap-tiap penganut Islam menghafal ayat al-Qur'ān, dari seorang penganut ke seorang penganutnya, hingga merebak dengan pesatnya di kalangan umat-umat Islam. Hingga menjadi sumber keteguhan iman, dan menjadi pendinding yang kukuh dari musuh-musuh Islam, yang sentiasa mencari jalan menjatuhkan dan menghapuskan al-Qur'ān.

Maka wafat Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*. Maka Saiyidina Abū Bakr al-Ṣiddīq dilantik menjadi Khalifah Islam yang pertama, menggantikan Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* pada 2 Hijrah, bersamaan 632 Masihi. Maka berlaku pergolakan dengan kancangannya dari golongan munafik. Setengah-setengahnya tampil mengakui nabi sebagai pengganti Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*, dengan kesan-kesan inilah berlakulah pula Peperangan Yamāmah, antara golongan-golongan Islam dengan kaum-kaum munafik. Pertempuran yang dahsyat itulah banyak dari penghafal-penghafal al-Qur'ān gugur syahid di medan perjuangan demi menegak syiar Islam. Maka dari

punca-punca inilah sebagai faktor para-para sahabat-sahabat Nabi mendesak Khalifah Abū Bakr supaya al-Qur'ān dikumpulkan dengan alasan mungkin al-Qur'ān akan luput, kehilangan dan kekurangan bahagian ayat-ayatnya dari dada penganut-penganut Islam, oleh kerana kebanyakan dari umat-umat Islam memandang sepi terhadap sumber al-Qur'ān.

Al-Qur'ān Dihimpunkan:

Khalifah Abū Bakr pada mulanya merasai keraguan dan enggan menerima syor-syor tersebut, oleh kerana perbuatan demikian belum pernah dilakukan pada zaman pemerintahan Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*. Tetapi dengan alasan-alasan yang wajar dari sahabat-sahabatnya, bersetujulah Khalifah Abū Bakr al-Qur'ān dihimpunkan, pekerjaan yang maha besar itu diserahkan kepada Zayd bin Thābit, yang mana beliau pernah menjadi juru-tulis pada zaman Nabi.

Apabila Zayd menerima perintah dari Khalifah mengenai perkara tersebut maka ia menegaskan “Kalaulah diberi tugas kepada aku memindahkan dari satu bukit ke bukit yang lain, adalah lebih ringan daripada aku mengumpul wahyu Tuhan.” Sungguhpun Zayd bertegang tidak mahu menerima beban yang begitu berat, dan memberi

alasan-alasan, maka akhirnya dia terpaksa menerima, oleh kerana pihak Khalifah memberi alasan yang tegas. Zayd bin Thābit bekerja dengan penuh tanggungjawab, serta tekun dan halusi menghimpunkan wahyu-wahyu Tuhan, dalam satu mazhab (bahagian) dalam zaman pemerintahan Abū Bakr. Apabila wafat Abū Bakr bahagian tersebut disimpan oleh Khalifah 'Umar bin al-Khaṭṭāb, malahan tidak menerima perubahan sehingga wafat 'Umar. Bahagian itu disimpan pula oleh anaknya yang bernama Ḥafṣah (salah seorang isteri Rasulullah).

Pada zaman Khalifah 'Uthmān bin 'Affān, beliau dapati terdapat dari golongan Islam perbezaan tema dalam pembacaan, dan di samping menerima nasihat dari Huzaifah al-Yaman betapa perpecahan dalam masyarakat Yahudi dan Nasrani tentang kitab suci mereka, maka mungkin berlaku dan terjadi dalam golongan masyarakat Islam, yang mana mengandungi golongan munafik yang bertopengkan Islam, maka Khalifah mengadakan satu sidang permesyuaratan mengadakan pula jawatankuasa yang terdiri daripada penghafal-penghafal al-Qur'ān, seperti antara mereka Zayd bin Thābit, 'Abd Allāh bin Zubayr, Sa'īd al-'Āṣ dan

'Abd al-Rahman bin Hārith, mereka menyusun dari naskah simpanan Hafṣah.

Dengan berkat kerjasama para-para Sahabat Nabi, mereka dapat mengadakan beberapa naskah, dengan perintah 'Uthmān naskah tersebut dihantar ke Makkah, Basrah, Damsyik, dan sebuah lagi disimpan oleh Khalifah 'Uthmān sendiri. Naskah lama pula diperintah dibakar, ini berlaku pada 25 Hijrah. Maka sampai sekarang ini naskah Saiyidina 'Uthmān kita gunakan.

Unsur-unsur al-Qur'ān:

Al-Qur'ān terkandung di dalamnya tiga unsur yang penting, dan patut dititikberatkan oleh penganut-penganut Islam:

1. Bersangkutan dengan keimanan dengan Allah, malaikat, kitab-kitab, dan rasul-rasul, hari Kiamat. Iaitu semuanya ini terkandung dalam ilmu *ūṣūl al-dīn* atau tauhid.

2. Mengkaji soal-soal keharmonian jiwa manusia, dalam perbincangan ilmu akhlak, atau tasawuf.

3. Bersangkutan dengan perkara yang zahir, yang dilakukan oleh umat Islam, iaitu Rukun Islam yang lima ini dibincangkan dalam ilmu fikah.

Keindahan dan kehalusan al-Qur'ān, tidak dapat ditandingi oleh ciptaan manusia di maya pada ini.

Tak bosan jiwa menerima dengan irama penuh hormat. Walaupun ayat-ayat yang dibaca tanpa difahami. Hikmah al-Qur'ān menjadi seorang mempunyai keyakinan hidup malah menjadi pengubat penyakit jiwa, kerana dalam al-Qur'ān

mengandungi ratusan ayat-ayat peta keindahan yang mengajak pancaindera, fikiran, dan perasaan bertemasya dengan suasana kata-kata yang memikat, tambah lagi mereka yang dapat memahaminya secara mendalam.

Al-Qur'ān yang memberi lunas dalam arena tamadun Barat, dari sumber al-Qur'ān sarjana Barat mengambil tauladan, yang agak sesuai dengan unsur-unsur kebudayaan mereka, dan dari sinarnya pula pejuang-pejuang Islam yang berpengaruh, merevolusi mental masyarakat Islam ke arah kemajuan menuju ke arah yang kritis, demi melahirkan jiwa-jiwa Islam yang cintakan keadilan, kemakmuran di samping takwa kepada Tuhan yang Maha Kuasa. Faktor-faktor yang penting bagi umat Islam, menyedari hakikat al-Qur'ān yang sebenarnya, mengkaji dan memahami dengan sepenuh jiwa mempelajari al-Qur'ān.

Al-Qur'ān mempunyai 6666 ayat, mengikut setengah ulama sebenarnya kita tidak dapat samakan al-Qur'ān dengan kitab yang lain, atau kitab Injil yang mempunyai perbezaan pokok perbincangannya.

Al-Qur'ān bukan khusus diturunkan kepada satu bangsa sahaja, malah seluruh umat manusia dan jin yang hidup di maya pada, yang mahu mencari pergantungan, dalam Injil tidak terdapat peraturan-peraturan hidup yang selengkapnyanya. Tetapi al-Qur'ān melengkapinya segenap jurusan pelajaran seperti politik, ekonomi, falsafah dan peraturan pembentukan kerukunan hidup yang dinamik.

Intelek-intelek Barat dengan al-Qur'ān:

Keagungan al-Qur'ān bukan sahaja diagung-agungkan oleh para intelek Islam

sahaja. Bahkan intelek Barat pun mengakui bahawa al-Qur'ān mempunyai unsur-unsur yang tak dapat tidak diberi penghormatan oleh mereka; Profesor George Sale seorang bangsa Inggeris yang pertama kali, menterjemahkan al-Qur'ān dalam bahasanya: Menyatakan "al-Qur'ān pada umumnya tertulis dengan molek serta bersih, bahasanya amat indah. Maka bahasa al-Qur'ān diakui setinggi-tinggi bahasa Arab."

Gibbon seorang ahli sejarah yang terkenal pernah menyatakan "Al-Qur'ān bukan hanya memuat perkara agama sahaja, tetapi memuatkan hukum-hukum peradaban, al-Qur'ān kitab agama yang membawa ke arah keadilan, kemajuan dan persaudaraan, pengadilan dan undang-undang ketenteraan dalam Islam. Al-Qur'ān mengandungi soal ibadah kepada Tuhan, hingga ke pekerjaan, dari membicarakan soal kerohanian hingga kejasmanian dan hak-hak umat kepada seluruh anggotanya, dari kemasyarakatan membahaskan soal berbagai-bagai sehingga hukum-hukum bangsa, serta soal-soal pembalasan Tuhan terhadap amalan dunia akhirat semua terkandung di dalamnya."

Profesor Baswani berkata: "Dengan wahyu Tuhan yang Pemurah dan Pengasih al-Qur'ān menjadi sumber agama Islam, penyuluh kepandaian dan kemajuan bangsa-bangsa Afrika, Tiongkok, Asia Tengah, Eropah, Parsi, dan India, ketika itu ulama-ulama Islam membaca suluh pengetahuan, mereka mengajar ilmu kedokteran, ilmu alam, ilmu algebra, dan pertukangan."

Goethe seorang filsuf bangsa Jerman yang terkenal pernah berkata: "Sebagaimana juga saya membaca

Al-Qur'an Sumber Keislaman...

akan al-Qur'an pertama kali menggerakkan saya, pada setiap waktu dengan kesegaran, dan dengan cepat menganjur pendirian. Hati murni membangunkan kehairanan akhirnya mendorong pada pengetahuan agama.

Al-Qur'an itu mempunyai susunan kata-kata yang molek lagi indah, pola isinya mengandungi tujuan, pedoman yang bahagia, dia adalah memberi ingatan yang maha tinggi dan menakutkan selama-lamanya dan seterusnya, ia adalah kemuliaan dan kebahagiaan, demikianlah al-Qur'an berjalan terus sepanjang masa dengan pengaruh yang amat kuat, serta gagah dan teguh.”

Emanuel D.S. berkata:
“Melainkan Muhammad yang mengajar perikemanusiaan kepada bangsa-bangsa Eropah dengan al-Qur'an hanya dialah yang memberi orang-orang Greek serta dialah yang menyebarkan ilmu pengetahuan seperti falsafah, kedokteran, ilmu kemasyarakatan jiwa dan lain-lain lagi dari sumber al-Qur'an.”

Master Ridolph: “Jikalau saya membaca al-Qur'an, maka tersangat tertarik hati, sehingga saya ingin mengetahui siapakah yang mengucap pada mulanya”.

Washington Airbank seorang profesor bangsa Amerika pernah berkata: “Al-Qur'an itu mengandungi peraturan-peraturan yang bersih lagi bagus.”

Bishop of Lagos seorang kepala agama Katolik pernah menyatakan demikian: “Dialah Muhammad seorang nabi, dengan pengajaran al-Qur'an dapat

memasuki akan hati yang suci, akal fikiran yang sihat lagi jernih, jadi dapatlah diketahui bahawa dengan tersiarnya agama Islam itu tidak sekali-kali dengan mata pedang, melainkan semata-mata lantaran kenyataan dan kebenaran serta keberanian al-Qur'an.”

Mr. Wallis seorang bangsa Inggeris yang terkemuka dan terkenal pernah menyatakan: “Dalam al-Qur'an itu banyak sekali segi-segi sesuatu yang mendorong saya mencari lorong hidup yang baru, al-Qur'an menerangkan barang-barang yang benar dengan jujurnya. Al-Qur'an itulah yang mengikat dunia Islam dengan ikatan yang amat kuat. Dunia Islam sekarang ini menerima nasib perpecahan dan penceraianya. Dan al-Qur'an yang akan mengikat dengan eratnya.”

Profesor Dr. Edinard berkata: “Barang siapa berkata al-Qur'an tidak mempunyai peradaban yang tinggi serta elok, ia adalah orang dungu (tolol).”

Dengan sepuluh orang para-para bijak pandai Barat inilah kita mendapat kesimpulan yang bernas betapa tinggi dan agungnya unsur-unsur dan bahan-bahan yang terkandung dalam al-Qur'an.

Mengikut kenyataan yang dibuat oleh Imam Hawāshīhī yang dipetik oleh Abū Hasan, al-Qur'an ada mempunyai 9 unsur yang penting.

- 1,000 membicarakan suruhan.
- 1,000 membicarakan tegahan.
- 1,000 membicarakan janji jahat.
- 1,000 membicarakan janji baik.
- 1,000 membicarakan perbandingan.
- 1,000 membicarakan cerita dan perkhabaran.

- 500 membicarakan halal dan haram.
- 100 membicarakan dosa-dosa. Tasbih dan unsur-unsurnya.

Dan yang kesembilannya pula sebanyak 66 membicarakan *nasikh* dan *mansūkh*.

Dari ayat al-Qur'an 6666 ayat, yang oleh seorang ulama dari sumber al-Qur'an dapatlah kita menghadapi zaman, yang penuh dengan aneka kemajuan. Oleh itu tiap-tiap umat Islam mestilah berpegang teguh atas bahan yang terkandung dalam al-Qur'an. Semoga dengan jalan kembali ke arah ketuhanan, membentuk akhlak yang luhur, dan hidup sebagai umat yang berpengetahuan dalam segala lapangan.

Kejathan umat-umat Islam di hari ini terletak di atas pegangan mereka terhadap sumber al-Qur'an. Malah tidak mengambil bina apa-apa yang terkandung di dalam al-Qur'an yang maha agung. Nilai-nilai yang tinggi pasti dititikberatkan golongan masyarakat Islam.

Sekianlah saya memohon keampunan, mengundur diri dari rencana tinjauan saya buat tatapan bersama, dititikberatkan oleh golongan masyarakat keislaman yang tulen sejati.


Bahan Coretan dan Bacaan:

1. Rahsia Perpecahan Mazhab Dalam Islam ('Abdul Wahab Khalaf) (Terjemahan Yusuf Zaki Yaakob).
2. Buku-buku Dian.
3. Dari sumber kertas kerja “Al-Qur'an” diselenggarakan oleh pihak Maktab Mahmud.
4. Kejernihan Jiwa (Yusuf Zaki Yaakob).
5. Sedikit-sedikit sebanyak dari majalah Qalam.


Malaysia Menjadi Johan Pertandingan Membaca

Johan Lelaki: Tuan Haji Saidin Abdul Rahman, Johan Perempuan: Puan Rahmah Haji A

(Malaysia). Naib Johan Perempuan: Pu



Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong diperkenalkan kepada para hakim antarabangsa.



Tuan Haji Saidin
(Johan Lelaki Antarabangsa).




Puan Marwiyah Harifi
(Naib Johan Perempuan Antarabangsa)




Tuan Haji Mokhtar Haji Ahmad
(Naib Johan Lelaki Antarabangsa)

a Al-Qur'ān Antarabangsa Kali yang Kesembilan

Abdul Rahman, Naib Johan Lelaki: Tuan Haji Mokhtar Haji Ahmad (ketiga-tiganya dari
nan Marwiyah Harifi (dari Indonesia).



Barisan penghormatan sedang berbaris di hadapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dengan membawa bendera-bendera negara-negara yang mengambil bahagian.



Puan Rahmah Haji Abdul Rahman
(Johan Perempuan Antarabangsa)



Puan Maryam binti Ibrahim
(Peserta dari Kemboja)



Che' Tom binti Ismail
(Naib Johan Perempuan Kebangsaan)



KOPI PAHIT

En. Ali Taib di dalam kenyataannya di sebuah akhbar tempatan dikatakan berkata: “Bahawa orang-orang Islam di negeri ini tersangat berpegang teguh kepada ajaran-ajaran yang tersebut dalam al-Qur’ān dan juga hadith Nabi dalam perkara melihat anak bulan.” Ini menurutnya “Sudah dikatakan ketinggalan zaman kerana kita berada di zaman kemajuan sains dan teknologi.” Habis mahu ikut siapa bung dan tidak mahu ikut ajaran Qur’an dan hadith lagi pakai mana sesuai, dengan otak sahajakah?

* * *

Israel telah membom padang terbang Bangsa-bangsa di Beirut. 13 kapal terbang telah binasa alasan dibuat kerana Lubnan membiarkan komando-komando Arab Palestin menyerang Israel terutamanya merosakkan mereka masuk dari sempadan Lubnan. Arab Palestin bergerak menuntut hak mereka kerana tanah Palestin dibahagi-bahagikan untuk Yahudi – dirampas dengan tidak kesukaan mereka. Adakah tuntutan mereka suci atau tidak? Yang tiada siuman sahaja yang berkata tidak halal.

* * *

Di dalam masa dunia sibuk mengutuk Israel, kerajaan Singapura menghantar 10 orang tenteranya untuk berlatih ke tanah Israel. Orang-orang tentu bertanya: Tidak adakah negeri lain? Adakah ini menunjukkan persahabatan akrab

antara Singapura dan Israel menghalalkan tanah orang yang hampir kepadanya. Berhati-hatilah dan perhatilah.

* * *

Pertubuhan Sosial Demokrat Universiti Singapura kalau tidak silap, menurut berita sebuah akhbar mengutuk langkah-langkah Israel mengebom padang terbang Beirut, tetapi di dalam berita itu “bertimbang rasa” kononnya menyalahkan orang-orang Arab komando Arab menyerang Israel dan menyuruh Yahudi keluar dari bumi Arab. Apakah orang Arab akan diam kalau buminya dirampas dan dibahagikan kepada orang? Orang yang diam negerinya diserahkan kepada bangsa lain dayus namanya.

* * *

Majlis Agama Singapura yang diagung-agungkan itu telah memungut zakat tahun ini dan tujuannya konon supaya membantu *fuqarā’* dan *masākīn* Singapura untuk dapat bersama-sama berhari raya. Beberapa pertolongan *fuqarā’* dan *masākīn* yang mendaftarkan diri dapat bahagian? Berapa tahu... menurut siarannya dalam akhbar seorang hanya mendapat \$1.50 (seringgit setengah sahaja) harga sekati bawang besar di Singapura sekarang! Apakah ini hasil gembur-gembur bantuan untuk membantu *fuqarā’* dan *masākīn*? Yang miskin semakin miskin dan payah – pertadbirannya bukan memudahkan tetapi.. ya.. tetapi.. cukup hanya untuk dibayarkannya zakatnya sahaja

– masuk tangan kanan keluar tangan kiri kerana ia juga wajib berzakat fitrah!

* * *

Pilihan raya akan diadakan tahun ini untuk memilih anggota-anggota Dewan Negara dan Dewan Negeri. Kempen-kempen tentulah berjalan dengan leluasa, tetapi harapan umum janganlah bangkit-membangkit terutama kafir-mengkafirkan kerana tidak ada hak seorang Islam mengkafirkan seseorang Islam yang lain. Berhati-hatilah! Kerana terkadang-kadang perkataan kita itu terbalik kepada kita sendiri jua. Insaflah! Sedarlah! Dan takutlah kepada Allah! Jangan ingat semata-mata kepada kedudukan di dalam dunia ini sahaja!

* * *

Telanjur bercerita perihal pilihan raya yang akan datang – al-Farouk termenung berfikir melihat bagaimana giatnya atau usaha Perikatan berusaha untuk meruntuhkan “PAS”. Ini berjalan terus dari satu masa ke suatu masa – tidak ada perdamaianya. Langkah Perikatan terhadap kepada PAS sangat keras dan parti-parti lawan yang lain tidak sekeras PAS. Mengapa? Perikatan kebanyakan ahli-ahlinya orang Melayu – dan yang menyerang PAS suaranya dari suara pemimpin-pemimpin Melayu dan beragama Islam. Orang-orang PAS boleh dikata semuanya orang-orang Melayu yang beragama Islam. Kalau diikat dengan agama sepatutnya mereka bersaudara: sakit seorang sakit semua. Walhasil sebagai orang agama hairan – seribu hairan mengapa mereka serumpun, sebangsa, seketurunan yang diikat dengan persaudaraan Islam terus bertentang – entahlah – sampai di sini sudahlah! – **Cemeti al-Farouk.**

Bangun! Sambutlah Seruan Islam

Seramai 80 juta orang-orang Negro dan 120 juta orang-orang India Merah di Amerika Utara dan Selatan, merupakan orang-orang yang paling tertindas di dunia. Sekurun setelah pengharaman hamba abdi di Amerika Syarikat, 22 juta kaum Negro di sana masih lagi disangkal akan hak-hak mereka oleh orang-orang kulit putih. Mereka tinggal di kawasan-kawasan sesak atau diasingkan daripada masyarakat orang-orang kulit putih. Pendek kata, kehidupan mereka adalah terbiar dan terhina.

(Oleh: Muhammad Imran)

Islam sesungguhnya adalah menara yang teguh dalam memberikan semangat kepada orang-orang Afrika dan Amerika yang tertindas itu, untuk menghadapi gejala-gejala tersebut (tekanan dan ketidakadilan), kepada orang-orang yang menyahut panggilannya. Yang menjadi persoalannya ialah; adakah seruan Islam kita didengari oleh pihak-pihak mereka yang berkenaan itu? Mungkin tidak ada lagi tempat di dunia ini, Islam difahami dengan begitu cetek atau disalahsangkakan dan disalahgunakan dengan begitu meluas seperti di utara dan di selatan Amerika. Ini ada tragedi, bukan terhadap Islam tetapi kepada kumpulan manusia yang sebegitu ramai yang mana hidup meraba-raba di dalam kegelapan dari akibat ketidak hirauan oleh saudara-saudara Islam mereka di negara-negara lain.

Dr. Charles Giddis, seorang Lembaga Pengarah dari Insititut Pengajian Islam Amerika, dalam bidang lawatannya ke Karachi (Pakistan), menyatakan tentang kekurangan maklumat bersangkutan dengan Islam dan pemeluk-pemeluknya di Amerika Syarikat. Beliau menyatakan harapannya supaya keadaan sebegitu dapat dihapuskan, dan hendaknya semua negara-negara Islam memberi penuh perhatian kepada masalah tersebut. Beliau menegaskan bahawa sangatlah perlu orang-orang Islam di negara-negara lain

berhutang dengan saudara-saudara mereka di Amerika Syarikat untuk memberi sumbangan kepada kehidupan dan pembangunan manusia yang bertamadun.

Di dalam zaman Nabi Muhammad *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam* mempunyai perbadanan yang berasingan untuk melancarkan tugas penyeruan orang-orang kenamaan menerima Islam. Surat-menyurat dan segala perhubungan dihantar dalam menjalankannya, jadi segala maklumat kebesaran Islam telah dapat diperhubungkan dengan luasnya.

Dunia hari ini terdapat banyak pembunuhan diri dari akibat fikiran yang penuh dengan kekecewaan dan putus asa, terutama di Sweden dan Perancis, dan keperluan pil tidur (ubat tidur) telah melambung ke angkasa 20 juta tiap-tiap hari di Amerika. Jadi sangat-sangatlah perlu maklumat-maklumat dan penyiaran-penyiaran Islam yang memberi keamanan dan kepuasan peribadi itu dilancarkan dengan luasnya dan dengan sebenarnya.

Untuk tujuan ini saya memohon kepada pemimpin-pemimpin negara-negara Islam yang terkaya seperti Kuwait, Saudi Arabia, Libya, Bahrain, Brunei dan lain-lainnya supaya memberi bantuan wang untuk mendirikan pusat-pusat penyebaran Islam di Stockholm, Brasila, Bogotà, Caracas, Mexico, Panama, La Paz, Santiago

dan Buenos Aires, demi memaklumkan kepada penduduk-penduduk di dunia sebelah sana tiada lagi tempat di alam Allah ini yang akan sunyi dari seruan-seruan-Nya setelah pusat-pusat tersebut ditubuhkan.

Kita mestilah mengambil perhatian bahawa Pakistan dilahirkan dengan bertujuan untuk menyuluh dunia dengan cahaya Islam. Tujuan itu masih belum lagi disempurnakan. Jadi, patutlah didirikan stesen-stesen radio yang berasingan dengan menggunakan alat-alat pemancar yang kuat kuasanya, speerti di Islamabad, Ankara, Kuala Lumpur, Jakarta, Dakar, Rabat, Riyadh, Khartoum, Kaduna, dan Istanbul; dengan tujuannya untuk menyebar dan menerangkan kepada dunia berkenaan dengan kesucian Islam dan syariat-syariatnya; di dalam bahasa Afro-Asian dan bahasa-bahasa Eropah.

Keadaan masyarakat sekarang yang sedang menempuh "kehidupan moden", telah menyebabkan suasana kucar-kacir yang sedang berlaku itu bertambah buruk, dengan perbuatan-perbuatan seks dan lain-lain moral yang terkeluar dari batasan-batasan yang harus diamalkan oleh manusia, dengan keadaan dunia yang begitu penuh dengan pergolakan-pergolakan, maka banyaklah manusia yang cuba mencari keamanan hidup. Jadi, janganlah berlengah-lengah lagi; pancarkanlah cahaya Islam dan

...Sambutlah Seruan Islam

suluhlah mereka itu ke jalan benar yang penuh bahagia dan aman sentosa.

Alat-alat perhubungan di zaman moden ini telah direka dengan begitu baik, hingga boleh mengalih atau mengisi pemikiran dan pendapat-pendapat manusia dengan masa yang begitu singkat. Malangnya kita terdapat banyak perubahan-perubahan yang bekerja dan berusaha dengan sedaya upaya, untuk menentang Islam, dengan tipu-tipu muslihat dan helah supaya mengabu-abukan pandangan mata manusia terhadap Islam. Merekalah musuh orang-orang baik dan sabar yang terdapat di mana-mana saja lebih-lebih lagi di antara orang-orang Islam.

Dengan suasana dunia yang begitu buruk dan keji, maka dalah menjadi tanggungjawab orang-orang Islam, di mana-mana saja mereka berada, dengan penuh kehormatan memberi penerangan akan segala kepercayaan dan amalan mereka (Muslimin) kepada seluruh manusia dengan melalui akhbar-akhbar dan radio; dan boleh dimegah dan dibangga-banggakan.

Kedudukan dunia pada hari ini adalah di dalam serba kekurangan; dan Islam haruslah bangun berbakti dengan lebih giat lagi, kepada masalah-masalah dunia dan tali persaudaraan di antara sesama manusia, yang mana kita dapati di kala ini fahaman-fahaman ciptaan manusia seperti Kapitalisme, Demokrasi, atau soal Marxisme yang sedang menempuh kekecewaan disebabkan semuanya ini maka banyak manusia telah hilang kepercayaan bukan sahaja terhadap diri sendiri tetapi juga terhadap Tuhan Maha Pencipta. Orang-orang Islam di masa lampau telah

menciptakan bahan-bahan sains untuk kegunaan kebajikan, tetapi kini setelah manusia meninggikan kedudukan sains, maka ia menjadi mukjizat pula; tujuannya jauh dari merupakan alat-alat yang menuju kepada kebajikan untuk di masa-masa yang akan datang.

Dunia yang hampir-hampir akan menempuh keruntuhan ini akan hanya dapat diperbetulkan jika “kemajuan” alat-alat sains ini dapat digantikan dengan kepercayaan yang menguntungkan manusia semua. Dan kepercayaan yang semula jadi itu ialah Islam. Hanya Islamlah yang boleh mematahkan industri sains dan ketegangan ideologi. Peraturan-peraturan baru yang dalam konsep-konsep Islam adalah meliputi pengorbanan, keikhlasan, kasih sayang, simpati, kesabaran, kerjasama dan persahabatan. Maka semuanya ini akan memberi galakan kepada manusia untuk mengecap nikmat dunia dan tujuan kehidupan, melalui Islam; meninggalkan segala kesalahan-kesalahan mereka yang silam dengan menempuh dunia yang penuh dengan cahaya dan keindahan. Walaupun syurga tidak kedapatan di dunia, Islam boleh dan akan menukarkan dunia hingga merupakan tempat tinggal manusia yang lebih baik keadaannya daripada apa yang ktia dapati sekarang!

Tanggungjawab Orang-orang Islam:

Firman Allah Ta‘ālā: “*Qul' jā'a al-haqqu wa zahaqa al-bāṭil, inna al-bāṭila kāna zahūqā*” (Al-Isrā' 81)

“Dan katakanlah! Telah datang kebenaran dan telah lenyap kesalahan sesungguhnya adalah kesalahan itu dilenyapkan”.

Dari keputusan sunnah Allah Ta‘ālā (seperti yang terdapat ayat yang di atas), maka sekalian manusia akan akhirnya beralih kepercayaan memeluk agama Islam,

melalui kehendak mereka sendiri dengan tidak dapat dielakkan lagi. Dan orang-orang Islam di kala ini mestilah bertanggungjawab memainkan peranan mereka yang terpenting demi untuk menjayakan “perkara yang tidak dapat dielakkan” ini.

Seperti yang terdapat di masa-masa yang akhir ini apabila penyebar-penyebar Kristian, mempropagandakan agama tersebut melalui sekolah-sekolah dan pertubuhan-pertubuhan masyarakat; di samping itu mereka mengapi-apikan pertentangan mereka terhadap kesucian Islam. Mahukah kita berterusan dengan kelalaian yang selama ini kita amalkan? Mahukah kita biarkan pihak Kristian bermaharaja mempengaruhi orang-orang Negro dan India Merah yang tertekan di Amerika itu? Tidakkah kita mahu mempengaruhi mereka kepada agama kita yang maha benar ini?

Jika Islam hendak *success* di Amerika, sepertimana saya yakin di satu masa kelak, seluruh umat pencipta Islam hendaklah memberi sepenuh-penuh sokongan dan tenaga bakti untuk mencapai tujuan yang murni ini. Orang-orang Muslimin yang berkemampuan hendaklah berusaha melawat ke tanah yang dahagakan keamanan, kebenaran, keikhlasan, kehormatan dan segala-gala kebaikan dan kehidupan yang kini kekeringan di kalangan orang-orang Afro-American dan orang-orang India Merah. Maka hanya Islamlah yang akan boleh menghilangkan dahaga-dahaga mereka.

Tidakkah mahu kita bangun untuk mengisi peluang yang dengan luas terbuka untuk kita bertindak?

Diterjemah dari:

Young Pakistan Weekly,

Oleh: Abdullah Hashim.

¹ Perkataan sebenar ialah *wa qul*.

Renunglah!

Manusia Dengan Kesalahan

(Oleh: Zakaria Saleh)

Seseorang manusia tidak sunyi dari membuat salah dan khalif¹, hanya Nabi dan rasul-rasul yang tanpa pernah membuat sebarang kesalahan, lantaran mereka itu adalah manusia “*ma’sūm*” yang sentiasa berada di bawah perlindungan dan pimpinan Tuhan, namun begitu sebagai seorang insan kita harus memberi kemaafan kepada orang yang membuat kesalahan dengan mengikut kadar yang sewajarnya, iaitu jika yang bersalah memohon kemaafan. Lantaran sedangkan Nabi sendiri sedia memaafkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan umat-umatnya.

Pada neraca yang bijaksana kita semestinya memberi nasihat yang membina pada yang bersalah, semoga apa yang dilakukan tidak akan berulang lagi. Bukan maki atau kata nista yang dilemparkan kepadanya, kerana ini amat bersalahan sama sekali, dan tidak semestinya diamalkan. Kerana sepatutnya kata nasihat yang membina itu adalah lebih berfaedah dari sebuah tamparan yang kuat, sepotong perkataan yang bernas akan memberikan kesan yang mendalam. Serta menjadi ingatan sepanjang hayat, dari itu awas dan waspadalah.

Ingatlah! Anda yang pernah membuat kesalahan semoga apa yang berlaku tidak akan berulang kembali. Apa yang sedang berlaku dan telah berlaku jadikanlah cermin perbandingan dalam menempuh kehidupan di masa depan, kerana sekali kita jatuh kita akan ketahu di mana

letaknya kelemahan kita itu. Atasilah dengan seberapa daya akan kelemahan-kelemahan tersebut, demi untuk menikmati buah kebahagiaan atau madu kemurnian hidup di masa akan datang!

Akhir kata dirangkaikan selingkar kata-kata yang bernas: “Sesallah pada hari yang akan datang akan apa yang telah dituntut pada hari semalam, belajarlah mengenal kesalahan diri sendiri. Fikirlah apa yang salah bukan yang salah hendak difikirkan. Awaslah!! Jangan takut kepada kesalahan, tetapi ingatlah jangan dibuat kesalahan yang sama berulang kali. Akhirnya kita harus belajar dari kesalahan bukan belajar membuat kesalahan.”

Sekian semoga mendapat kesejahteraan kita sekalian dunia dan akhirat.

Keazaman dan Semangat:

Keazaman dan semangat adalah sebagai sebuah kubu yang kukuh demi untuk menghadapi segala kemungkinan. Sesungguhnya dengan semangat yang kukuh dan keazaman yang kuat kita akan dapat memecahkan ketumbukan yang besar.

Andai kata dengan adanya semangat yang kukuh di sanubari kita, sesuatu pekerjaan akan berhasil dengan gemilangnya. Bukan sahaja dalam kita menghadapi perjuangan mempertahankan negara dari ancaman kita perlukan semangat yang berkobar, namun perjuangan dalam diri sendiri juga, dan setiap perjuangan dalam kehidupan sehari-hari. Umpamanya di kala melangkah ke alam cita-cita nan bahagia atau memasuki ke alam rumah tangga atau apa jua lapangan hidup yang kita lalui, pastilah di hati kita sentiasa dipenuhi dengan keazaman yang kuat, kukuh dan penuh dengan semangat yang tinggi serta cecal, yang mana segala yang

¹ Perkataan sebenarnya adalah khilaf.

Renunglah!

diharapkan akan berhasil, segala yang diidamkan berjaya, apa yang terpendam selama ini akan tercapai hendaknya.

Semoga segala pekerjaan dan tugas-tugas kita yang tidak mengenal bosan dan jemu itu akan menemui hasil yang gilang-gemilang, hasil yang cemerlang dengan erti kata yang sebenar-benarnya, dan tidak sia-sia serta kecewa segala apa yang dikerjakan.

Walau bagaimana pahit sekalipun, kita haruslah mencuba, tetap mencuba dan terus mencuba sehingga berjaya sebagai orang-orang yang pernah mendapat kejayaan. Teguhkanlah hati demi mengejar segala kejayaan dan kebahagiaan. Renunglah sejenak kenapa orang lain boleh berjaya? Dan kenapa pula kita gagal dan harus mengaku kalah? Sedangkan kita adalah sesama manusia

biasa. Kita juga boleh berjaya seperti mereka yang pernah mengecap nikmat kejayaan itu. Tetapi kenapa kita mundur dan ditinggalkan zaman? Jawabnya mudah: Kerana semangat kita lemah, keazaman dalam diri sendiri tidak teguh. Dari itu mulai dari saat dan detik yang bersejarah ini, marilah kita berazam dengan satu tekad, satu tujuan dan satu harapan, iaitu harapan ingin berjaya meningkat maju dalam lapangan yang dicita-citakan, menuju ke jurusan yang ditujui. Ayuhlah kawan-kawan dan sekalian bangsaku! Marilah bersama-sama kita bangun dan tegak berdiri dengan semangat yang kukuh dan keazaman yang kuat demi untuk menghadapi apa jua perjuangan di maya pada ini. Untuk menghadapi matlamat dan tujuan yang satu iaitu kebahagiaan yang tulen, ya kebahagiaan yang diharap-harapkan oleh semua manusia. Baik pun pada diri sendiri mahupun pada tanah air nusa dan bangsa. Sekian.

Sudah terbit!

Cetakan baru!

Sembahyang Rasulullah (Oleh al-Ustaz Abu Bakar Ashaari)

Sebuah buku pedoman mengerjakan ibadah sembahyang mengikut cara-cara sembahyang yang telah dilakukan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda kepada hadith baginda yang berbunyi:

Sallū kamā ra’aytumūnī usallī. Ertinya “Sembahyanglah kamu sebagaimana kamu lihat aku sembahyang”.

Pesanlah kepada:

QALAM

Sebuah \$3.00

8247 Jalan 225

Belanja *post* 20 sen.

Petaling Jaya Selangor.



Pertanyaan daripada:

En. Muhammad Zain bin Saleh,
Kampung Melayu – Singapura.

Di Singapura banyak orang-orang Islam yang suka membeli kari ayam dalam tin yang dibuat oleh sebuah kilang barang-barang dalam tin kepunyaan orang bukan Islam iaitu:

“Yeo Hiap Seng Canning
& Souce Factory Ltd.”

Bukit Timah Road Singapura.

Jiran-jiran sebelah-menyebelah rumah saya yang membeli kari ayam tersebut mengatakan halal, sebab tukang sembelih ayam itu adalah orang-orang Islam. Tetapi saya sekeluarga masih berasa ragu-ragu hendak membelinya. Oleh itu besarlah harapan saya dari pihak tuan supaya dapat menjelaskan perkara ini, demi untuk kepentingan saya dan kepentingan seluruh orang-orang Islam di Singapura.

Jawab

Setelah kami menerima *mushkilah* yang tuan kemukakan di atas, maka dengan tidak berlengah-lengah lagi kami terus berhubung dengan pihak Jamiyah al-Da’wah al-Islamiyyah atau lebih terkenal dengan nama “Persekutuan Seruan Islam Singapura” yang berpusat di nombor 31 Lorong 12 Geylang meminta penjelasan daripada setiausahanya.

Maka jawapan yang telah kami terima menurut suratnya bertarikh 6 haribulan

November 1968 adalah seperti

berikut:

“Berkenaan kari ayam dalam tin buatan (Yeo Hiap Seng Canning & Souce Factory Ltd) di nombor 23 (Batu 7) Bukit Timah Road, Singapura 21, menurut Tuan Haji Muhammad Khan, iaitu pada masa beliau dan wakil-wakil dari *Muslim Advisory Board* Singapura berkunjung ke tempat tersebut, beliau dan wakil-wakil itu telah menyaksikan bahawa ayam-ayam yang disembelih itu disembelih oleh orang-orang Islam. Ini telah disaksikan setahun dahulu dan pada fikiran saya, ini mungkin berlaku seterusnya hingga masa ini, jika tidak, setentunya *Board* akan menerima pengaduan-pengaduan dari orang-orang Islam yang bekerja di *factory* (kilang – P.) itu. Dari itu saya percaya makanan itu boleh dianggap halal.

Saya

A. Wanjor.

Menurut surat pengakuan dari pihak Jamiyah al-Da’wah al-Islamiyyah Singapura yang ditandatangani oleh Setiausahanya Tuan Wanjor bin Abu Bakar di atas, jelaslah bahawa kari ayam dalam tin yang tuan ragu-ragukan itu adalah halal dimakan oleh orang-orang Islam, kerana ayam-ayam kari yang dimasak itu semuanya disembelih oleh orang-orang Islam.

Di samping itu sama ada En. Muhammad Zain yakin atau tidak dengan keterangan-keterangan bersurat yang telah diberikan oleh pihak Jamiyah al-Da’wah al-Islamiyyah Singapura itu kepada kami, maka terpulanglah kepada pertimbangan tuan sendiri. Mudah-mudahan tuan berpuas hati dengan jawapan kami ini!

Pertanyaan daripada:

Syed Omar bin Syed Ahmad,
Maktab Perguruan Bahasa,
Lembah Pantai – Kuala Lumpur.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan minuman sesuatu yang memabukkan sebagaimana yang terdapat di dalam hadith dan al-Qur’ān?

2. Sebagaimana yang diketahui bahawa di dalam sesuatu minuman yang memabukkan itu adalah mengandungi sejenis unsur “alkohol”.

Dan pula di dalam air tapai kedapatan unsur-unsur yang seperti itu juga. Adakah kita diharamkan meminum tapai tersebut? Kerana ada setengah orang berpendapat yang mengatakan bahawa minuman air tapai tersebut adalah haram oleh kerana alkohol tersebut.

Jawab (1)

Al-Qur’ān dan al-hadith menamakan tiap-tiap sesuatu minuman yang memabukkan itu ialah “*al-khamr*”. Kalimah “*al-khamr*” ini kalau diterjemahkan di dalam bahasa Melayu bolehlah dinamakan “arak”. Kalimah arak ini pula termasuklah beberapa jenis minuman yang memabukkan seperti *whiskey*, *brandy*, *gin*, *beer*, *stout*, todi dan segala jenis minuman keras yang akan mengganggu ketenteraman akal fikiran orang yang meminumnya.

1001 Masalah

Kaedah syarak telah menetapkan melalui dalil-dalil hadith Nabi dan pendapat-pendapat para ulama yang muktabar bahawa kesemua jenis minuman yang memabukkan itu adalah haram diminum oleh orang-orang Islam sama ada banyak ataupun sedikit. Kecuali dalam keadaan terdesak (darurat) dengan sebab ketiadaan minuman yang halal yang akan menyebabkan dirinya ditimpa marabahaya. Pada ketika itu ia diharuskan meminum minuman yang memabukkan itu hanya sekadar menghindarkan daripada marabahaya itu sahaja. Tidak boleh lebih daripada itu kerana dalam kaedah usul fikah ada mengatakan: “*Al-Darūrātī tubīḥu al-mahzūrāt*” ertinya: “Darurat itu mengharuskan segala sesuatu yang dilarang”.

Kesimpulannya tiap-tiap sesuatu minuman yang memabukkan itu ialah setiap jenis minuman yang boleh mengkhayalkan perasaan manusia atau mengubah fikiran yang waras menjadi khayal tak sedarkan segala perbuatan yang dilakukannya. Ia merupakan seakan-akan orang kehilangan akal fikiran. Candu dan ganja juga termasuk di dalam jenis barang yang memabukkan. Oleh itu para ulama berpendapat hukum orang-orang yang menghisap candu dan ganja itu adalah sama dengan hukum orang yang meminum minuman keras.

Tetapi amat mendukacitakan setengah daripada negara-negara Islam termasuk negara kita Malaysia ini, hanya menganggap salah orang-orang Islam yang menghisap candu dan ganja, tetapi tidak melarang orang-orang Islam yang meminum minuman-minuman keras. Padahal

bahaya kedua-dua jenis minuman itu (candu dan arak) adalah membahayakan tubuh orang-orang yang meminum atau menghisapnya. Kedua-duanya ditegah dan diharamkan oleh Islam.

Jawab (2)

Setelah kami menyelidiki beberapa buah kamus, Inggeris, Arab dan Melayu, kami dapati bahawa air tapai itu tidak mengandungi jenis alkohol yang ada pada segala jenis arak. Alkohol yang didapati di dalam segala jenis minuman keras itu mengandungi sejenis *spirit* yang mempunyai daya kuasa lembut yang membawa kepada khayal dan hilang perasaan orang-orang yang meminumnya dengan secara beransur-ansur

Adapun air tapai itu sumber terbitnya daripada sejenis ragi yang mengandungi kekuasaan wap panas yang kalau diperam bersama-sama dengan jenis-jenis makanan yang mengandungi kekuasaan wap panas yang bekas direbus akan mengeluarkan sejenis air manis yang mengandungi sejenis *steam*. Pada masa air tapai itu masih mengandungi zat manis ia halal diminum. Tetapi jika ia diperam selama beberapa hari maka zat manis tadi bertukar menjadi zat arak dan boleh memabukkan orang yang meminumnya. Pada ketika ini sudah menjadi haram. Tetapi jika dibiarkan selama beberapa hari lagi zat arak itu dengan sendirinya bertukar menjadi zat cuka rasanya masam seperti cuka. Pada saat itu ia kembali halal, lantaran ia tidak mengandungi zat arak lagi, malahan telah bertukar menjadi zat cuka.

Kesimpulannya, air tapai itu kalau ia masih mengandungi zat manis halal diminum, jika ia telah bertukar menjadi zat arak, mejadi haram diminum, dan jika ia bertukar pula menjadi zat cuka, menjadi halal kembali.

Kami fikir masalah ini ada dijumpai di dalam kitab-kitab ilmu fikah yang selalu dipelajari oleh murid-murid yang belajar di sekolah-sekolah agama di seluruh tanah air masalah ini serupa dengan masalah air nira kelapa dan nira kabung yang diperam selama beberapa hari.

Lantaran pertanyaan tuan terlalu panjang, maka pertanyaan yang dua lagi itu akan kami jawab di lain masa.

In shā-Allāh.

Siri Kesah

Tokoh2 sejarah IV

GABNOR dan HAKIM

sa-buah 60 sen.

belanja Pos 10 sen.

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah V

DUSTA YAHUDI

Harga 40 sen.

Pos 10 sen.

Pesan-lah kepada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.

Sosialisme Di Dalam Islam

“R.V.C. Bodley” di dalam bukunya “The Messenger” ada berkata: “Islam adalah satu-satunya peraturan yang terdapat di dalamnya sosialisme dalam erti kata yang sebenar. Dalam ajaran Islam dijelaskan bahawasanya segala sesuatu dalam alam ini adalah kepunyaan bersama. Tak ada di sana harta kepunyaan diri sendiri, Islam menjelaskan dengan terang-terang, bahawa orang miskin mempunyai hak yang tertentu atas harta orang yang kaya Jiwa demokrasi seperti ini telah dibawa ke seluruh penjuru alam yang di sana berlaku pengaruh Islam. Undang-undangnya berjalan atas bangsa-bangsa dan atas diri peribadi, dan Islam tidak mengakui penjajah tidak perlu mengadakan propaganda bagi bangsa yang lebih tinggi kecerdasannya untuk menindas bangsa yang lemah, dengan alasan hendak memperbaiki hidupnya.”

Oleh: Muhammad Yusuf

Lima Aspek yang Penting:

Islam adalah satu-satunya agama yang diturunkan oleh Allah ke alam sejagat ini melalui rasul-Nya Muhammad *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Ia meliputi segala keperluan manusia dari segi *individual* dan kemasyarakatan yang berasaskan kepada tauhid terhadap Allah yang Maha Kuasa Pencipta alam ini. Pemeluknya dianggap satu rupa bangsa (*nationality*) sahaja yang hidup di dalam satu kesatuan tanpa ada kasta dari mana-mana aspek pun. Tegasnya Islam mengatur kegiatan hidup manusia mengikut ideal dan tujuan yang konkrit mengikut lunas al-Qur’ān dan al-ḥadīth, di dalam Islam terdapat lima aspek yang terpenting:

1. Perhubungan manusia dengan Allah dan perkara ghaib:

Di dalam hubungan ini manusia mesti taat kepada Allah secara *ta’abbudī* tanpa mengguna akal fikiran. Mereka di dalam menunaikan perintah-perintah Allah Ta’ālā, serta mengesakan Allah dengan hati yang murni. Serta mempercayakan perkara-perkara yang ghaib yang diterangkan oleh

rasul-rasul Allah kepada umatnya, sedangkan akal manusia pula tak sampai memikir perkara itu.

2. Perhubungan manusia dengan manusia yang lain:

Di dalam hubungan ini dengan sistem perhubungan kita sama kita mengenai kelakuan, tatasusila (akhlak), pergaulan sehari-hari, perhubungan silaturrahim, keperluan kita kepada benda orang lain, perhubungan kita dengan jiran, semua ini termasuk di dalam aspek politik, ekonomi, sistem kemasyarakatan yang normal.

3. Perhubungan manusia dengan alam yang lain:

Di dalam aspek ini termasuklah perhubungan manusia dengan benda yang ada di dalam bumi dan di langit. Dan sikap manusia terhadap hasil-hasil di dalam bumi, dan hubungan manusia dengan tanaman, binatang, galian, tegasnya, hidupnya seorang manusia di dalam masyarakat bergantung penuh kepada benda yang berada di alam ini, tanpa benda

tersebut tak mungkin manusia hidup di alam maya ini, justeru itu, tak harus manusia bersikap angkuh sombong terhadap benda di alam ini.

4. Penerangan Islam tentang nasib hidup manusia:

Islam memainkan peranan yang amat penting di dalam aspek memberi penjelasan dan keterangan yang lebih lanjut dan luas yang meliputi seluruh *problem* penghidupan manusia di alam ini, yang ditimbul oleh gejala kemasyarakatan yang buruk. Islam di dalam hubungan ini memberi neraca dan cahaya yang terang kepada akal manusia tentang mengajar ilmu pengetahuan. Tegasnya manusia tak mungkin mengetahui secara konkrit masalah hidupnya tanpa pertunjukan dari Islam itu.

5. Penerangan Islam tentang tujuan hidup di alam ini:

Islam di dalam aspek ini menjadi pengaruh yang ulung di dalam memberi tujuan hidup yang berstatistik lagi diredai oleh Allah *Subḥānahu wa Ta’ālā*. Dan akal ada

Sosialisme Dalam Islam.

menjadi batu-bata kepada tujuan hidup, filsuf HAMKA pernah berkata: “Kehidupan manusia itu dengan sebab hidupnya akal, malahan kehidupan akal itu tak dapat dapat dipisahkan dengan *stop* atau bekal hidup manusia itu.” Tujuan hidup ialah “mengenal Allah” dengan perantaraan akal yang bebas dinamik. Tujuan hidup yang dibawa oleh Islam adalah bersikap lebih progresif dan dinamis lantaran ia meletakkan manusia antara dua pengaruh: *material*, (kebendaan) dan *spiritual*, (kerohanian).

Dengan ringkasnya, kelima-lima aspek Islam itu adalah mengandungi konsep yang paling *universal* dan prestasi (hebat) tak ada tolok banding dengan konsep agama yang lain di dunia hari ini.

“Islam dan Tata Kenegaraan”

Orang-orang yang mendalami secara konkrit tentang Islam tanpa dicampur dengan fanatik, tentu ia akan bersua dengan resolusi bahawa “Islam adalah agama melimpiti¹ segala kegiatan dan keperluan hidup di dunia” justeru itulah, Islam bukanlah semata-mata beribadah, dan bukanlah kepada unsur dunia sahaja, malahan Islam inti kedua unsur itu akhirat dan duniawi (Secular). Tetapi Islam mendahului kepada tauhid terhadap Allah. Selepas itu Islam pemerintahan prinsip yang berbunyi “*al-Shūrā*” mesyuarat, adalah menjadi lambang demokrasi yang agung di dalam pembentukan politik di dalam Islam.

Sebuah negara mengikut ideologi Islam bertujuan untuk:

1. Keamanan jiwa, keamanan harta benda dan keturunan (zuriat).
2. Keamanan agama dan bentuk ideologi (fahaman) yang objektif.

Manakala kalimah “sosial” adalah meliputi segala perkembangan fikiran yang sihat pergerakan yang aktif di dalam politik ketatanegaraan, ini termasuk juga kebudayaan”. Dengan ini dasar Islam tentang sosial merupakan suatu sistem yang praktis yang konkrit dan radikal, lantaran sistem zakat adalah suatu bantuan *material* yang paling baik dan wajar. Islam meletakkan dasar hidup yang baik dengan sistem keluarga yang bersecocok dengan sifat-sifat semula jadi manusia. Dan Islam ialah cara hidup yang luas di dalam aspek kerohanian dan kebendaan. Tegasnya, Islam mengajar umatnya segala kemajuan serta bergiat dengan dinamis di dalam seluruh negara.

Sosialisme Islam

Sosialisme Islam bukan terdiri di atas dasar peperangan dan pencerobohan atau pertentangan ideologi antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Dan bukanlah bersamaan dengan dasar sosialisme yang terdapat di dalam tamadun dan kemajuan di dunia Barat hari ini. Malahan sosialisme Islam adalah dasar tatasusila yang luhur – dan silaturrahim serta bekerjasama di atas negara yang baik seperti firman Allah “*Wa ta’āwanū ‘alā al-birri wa al-taqwā*”². Dan berasaskan kepada kebaikan dan takwa kepada Allah bukan

di atas asas pancaroba dan perseteruan. Satu daripada bentuk sosialisme Islam yang dapat kita melaksanakan di dalam kehidupan sehari-hari seperti mengeluarkan zakat kepada fakir miskin, membantu orang yang tak berkemampuan di dalam pengidupan – sosialisme yang digambarkan di dalam al-Qur’ān tak mengenal batas dan *boundary* (sempadan) di dalam masyarakat manusia, malahan jauh daripada membuat kasta (kelas di dalam masyarakat dan pangkat serta zestasi³, justeru itulah Islam adalah satu sistem sosialisme yang dinamik dan progresif. Yang mana dasar Kapitalis dan Komunis tak dapat bertanding dengan apa yang terkandung di dalam intisari dan hakikat sosialisme Islam yang tinggi itu.

Kalau kita menganalisa dengan objektif tentang sistem sosialisme Islam itu ia bukanlah merupakan satu sistem yang berdasar kepada *material* (kebendaan) dan pembahagian harta kepada setiap individu dalam masyarakat, malahan ia adalah satu sistem sosial yang umum lagi realistik yang berasaskan persaudaraan yang kuat dan persefahaman lagi kompromi di dalam soal kerohanian, ketatasusilaan dan kejiwaan yang luhur, serta di dalam aspek ekonomi, kemasyarakatan dan kebudayaan. Sosialisme Islam bukan bertujuan menindas organisasi XXX (hina) dan menekan penghidupan kaum opera (bangsawan), malahan ia bukan dianggap daripada golongan orang Islam kalau ia tidur perutnya kenyang, sedangkan jiran sebelahnya di dalam situasi lapar dan susah.

¹ Perkataan sebenar ialah meliputi.

² Sūrah al-Mā'idah ayat 2.

³ Perkataan sebenar ialah prestasi.

Sosialisme Dalam Islam.

Dasar sosialisme Islam ialah memberi apresiasi⁴ dan galakan yang konkrit agar seorang Muslim mencari kekayaan dan kemewahan di dalam kehidupan dengan tidak menindas hak manusia yang lain atau menceroob hak manusia yang lain atau menceroob harta bendanya, manakala seorang Muslim itu berhasil mendapat kekayaan harta benda dengan secara langsung ada di dalam hartanya hak-hak orang miskin dan fakir, lantaran itulah ia wajib mengeluarkan zakat, tegasnya sosialisme itulah menjadi asas yang jempol (kuat) bagi pembangunan sistem ekonomi di dalam negara Islam.

Prinsip Sosialisme Dalam Islam.

Prinsip-prinsip sosialisme yang tegas di dalam Islam bukanlah bertujuan menghapuskan langsung segala rupa bentuk “hak milik harta” seperti yang telah berlaku di negara-negara di sebelah Barat seperti Rusia, China Komunis dan Yugoslavia dan sebagainya, sosialisme Islam terletak di tengah antara sistem kapitalisme dan sosialisme yang ada sekarang, konsep sosialisme Islam adalah berbentuk sederhana dan *universal* pada lahir dan intisarinnya, bukanlah berbentuk sekularisme (pengasingan daripada kegiatan hidup), justeru itulah Islam dapat mendamai beberapa krisis yang sering berlaku di dunia hari ini, dengan saranan di dalamnya terkandung dua prinsip yang tegas:

⁴ perkataan sebenarnya adalah apresiasi.

1. Setiap orang-orang Islam dipastikan mengorbankan tenaga dan *material* untuk kepentingan masyarakat umum dengan lengkap.

2. Masyarakat umum mesti mengorbankan segala tenaga dan *material* untuk individu Muslim agar dapatlah ia menjalankan ciri-ciri di dalam kehidupan dengan dinamik dan aktif.

Dengan itu seorang Muslim berhak dan berkompeten penuh mengambil serta mengguna harta-harta di dalam Baitul-mal masyarakat Islam dengan syarat yang radikal iaitu sekadar keperluan yang mesti (darurat) sahaja tanpa lebih dan melanggar *boundary* (sempadan) itu, tegasnya konsep sosialisme adalah berbentuk dinamik dan progresif sekali antara ideologi sistem ekonomi dan tata negara yang lain.

Di dalam kitab “*Ishtirākiyyah Islāmiyyah*” karangan Mustafa al-Siba’i, beliau menamakan “sosialisme Islam” lantaran Islam sebagai aliran sosialisme yang bukan berdiri di atas sedekah dan zakat fakir miskin, malahan untuk membasmi penyakit kemiskinan dan proletar (kesusahan) dengan jalan mempraktikkan pemerintahan Islam, langkah ini telah dilaksanakan sejak 14 abad yang lalu, tentang prinsip dan asas sosialisme Islam menurut beliau terdirinya 4 perkara yang asasi:

1. Hak semula jadi bagi tiap-tiap seorang manusia di alam ini.
2. Undang-undang bagi menjamin hak-hak ini dan mengatur, mengurus dengan beres dan berani.

3. Undang-undang bagi jaminan sosial.
4. Dan sokongan daripada masyarakat. Tegasnya, teori sistem sosialisme Islam telah pun dipraktikkan di negara-negara Timur Tengah sekarang dan di Pakistan, tetapi teori beliau berlainan sedikit dengan teori yang dibawa oleh Hassan al-Banna, Sayyid Qutb, Sayyid Abul Ala al-Māridī, dan Khalifah ‘Abd al-Ḥakīm. Dengan itu sosialisme Islam adalah satu aliran yang dapat mempengaruhi manusia dan bertanding dengan bentuk aliran yang direka oleh para intelektual Barat hari ini. Oleh itu sewajar bagi negara Islam hari ini mempraktikkan dengan aktif dan konkrit segala bentuk teori-teori aliran sosialisme Islam itu dengan seluas-luasnya.

Bahan-bahan Bacaan:

1. *Ḥayāt Muḥammad* – oleh Muhammad Hussein Haikal.
2. Falsafah Hidup – HAMKA.
3. Majalah al-Nur – September ‘65.
4. Majalah Dewan Masyarakat – Disember 1966.
5. Nota-nota forum di Kolej Islam.
6. Dan buku “Sejarah Umat Islam” – oleh Dr. HAMKA.

Kata-kata Hikmah

Mempunyai wang adalah baik, tetapi lebih baik lagi mempunyai sesuatu yang tidak didapati dengan wang.

(Haji Agus Salim)

Karya-karya Asing Dalam Bahasa Kebangsaan

Tidak boleh disangkal lagi bahawa karya-karya asing telah memperkayakan dan mempengaruhi bahasa kebangsaan yang kita agung-agungkan itu. Perubahan-perubahan yang dialami telah melengkapkan dan memberi nafas baru kepada bahasa kebangsaan kita yang kini mempermainkan peranan yang penting sebagai bahasa rasmi negara.

Oleh: G. Susay

Dalam abad yang ke-15 agama Islam berkembang dengan pesat sekitar pantai Lautan Hindi dan pada masa itu juga agama Islam datang ke Melaka dan orang-orang Melayu memeluk agama baharu yang suci itu. Kebanyakan saudagar yang terawal beragama Islam dari Sumatera dan India. Sebenarnya agama itu berkembang dengan beransur-ansur. Perubahan yang besar itu berlaku dalam pemerintahan Raja Ibrahim yang terkenal dengan gelaran Sultan Sri Parameswara Dewa Shah. Oleh sebab baginda itu budak, Raja Rokan bapa saudara baginda yang beragama Buddha memegang teraju kerajaan. Raja Rokan tidak disukai oleh rakyat. Seorang saudagar Tamil yang beragama Islam bersubahat dengan rakan-rakannya membunuh Raja Ibrahim, dan mentabalkan Raja Kasim, kekanda raja itu, sebagai raja baharu. Dalam pertempuran itu Raja Ibrahim ditikam mati dan Raja Kasim dengan gelaran Muzaffar Shah menaiki takhta kerajaan. Raja-raja pun mula menggunakan gelaran 'sultan' dan "Shah" yang dibawa oleh saudagar-saudagar Islam itu dan dari semenjak itu orang-orang Melayu menganggap raja itu wakil Tuhan di dunia. Konsep Islam yang berbunyi: "*Al-Khalīfatu zillu Allāhu fi al-ard*" (Raja itu adalah bayang Allah di dunia) telah meresapi kehidupan

masyarakat Melayu. Bila raja itu ditabalkan mereka mula bersembah "Daulat tuanku *zillu Allāh*" sedikit demi sedikit kesusasteraan mereka pun meresap di kesusasteraan Melayu. Di antara hikayat-hikayat Parsi-Arab ialah:

1. Hikayat Isma Yatim.
2. Hikayat Jauhar Manikam.
3. Hikayat Nur Muhammad.
4. Hikayat Nabi Yūsuf.
5. Hikayat Nabi Mūsā.
6. Hikayat Amir Hamzah.
7. Hikayat Raja Bosman dan dan Lokman.
8. Hikayat Raja Sulaymān.
9. Hikayat 'Abd Allāh ibn 'Umar.
10. Hikayat Muhammad Hanafiah.
11. Hikayat Mikraj Nabi Muhammad.
12. Hikayat Nabi Muhammad.

Amir Hamzah, watak utama dalam Hikayat Amir Hamzah, adalah seorang pahlawan Islam yang teragung. Kejayaannya dalam medan Peperangan Badar amatlah besar ertinya dari segi sejarah perkembangan agama Islam. Bagaimanapun hikayat ini mencampur-adukkan unsur-unsur Islam dengan yang bukan Islam. Pengaruh riwayat Rustum, panglima angkatan Parsi yang gagah berani yang ditewaskan oleh Sa'ad,

panglima muda angkatan Islam pada zaman Khalifah 'Umar al-Khaṭṭāb, terdapat dalam hikayat ini.

Kitab "*Bustān al-Salāṭīn*"

dikarang oleh Nūr al-Dīn ibn 'Alī dari Gujerati. Beliau juga menulis risalah agama yang masyhur "*Ṣirāt al-Mustaqīm*" itu. "*Tuḥfah al-Nafīs*", "*Bustān al-Kātibīn*" dan "Salasilah Melayu dan Bugis" dikarang oleh Raja Haji Riau yang juga seorang panglima Bugis yang termasyhur. Pengaruh Arab terdapat dalam ketiga-tiga kitab tersebut.

Malah "Hikayat Muhammad Ali Hanafiah" membentangkan peperangan ketaat setiaan kepada raja mereka. Hikayat ini mengandungi unsur-unsur sejarah Islam daripada zaman Nabi Muhammad sampai kepada kisah peperangan di Karbala. Muhammad Ali Hanafiah ialah putera 'Alī, sahabat karib dan menantu Nabi Muhammad yang menjadi khalifah yang keempat selepas wafat Nabi Muhammad. Kehandalan dan kejayaan Muhammad Ali Hanafiah dalam medan peperangan menentang Mu'āwiyah yang datang dengan tentera yang besar dari negeri Syam untuk menawan Ali, sesungguhnya menanamkan rasa kepahlawanan. Hikayat ini dianggap sebagai hikayat pahlawan yang teragung.

Karya-karya Asing...

Pengaruh ramalan, suara ajaib, mimpi dan sebagainya pengaruh cerita Islam. Mu'āwiyah anak Abū Sufyān, seorang Sahabat Rasulullah telah bersumpah tidak akan kahwin kerana mendengarkan suatu ramalan yang mengatakan zuriatnya yang akan membunuh kedua-dua cucu Rasulullah, Hassan dan Husayn. Umpamanya di dalam "Hikayat Amir Hamzah" setelah watak utama bermimpi, Makkah akan dikepung oleh Alqamā Hishām dari Khaybar, ia pun pulang ke Makkah. Beliau telah berjaya menewaskan Alqamā Hishām yang kemudiannya memeluk agama Islam. Di dalam Sejarah Melayu dikisahkan bagaimana Raja Kechil Besar di Melaka telah bermimpi bertemu dengan Nabi Muhammad Rasulullah. Di Hikayat Merong Mahawangsa pun dikisahkan Raja Ong Mahawangsa memeluk agama Islam setelah sedar dari mimpi. Begitu juga Raja Pasai (Merah Silu) setelah diislamkan oleh Faqir Muhammad telah bermimpi berjumpa Rasulullah dan bertukar nama kepada Malikul Salih.

Di sini terlihat bahawa kepercayaan terhadap mimpi itu sebagai suatu yang boleh membawa kejadian yang akan benar-benar berlaku. Oleh itu orang-orang Melayu memang banyak yang percayakan mimpi hingga pada masa ini. "Misa Melayu" pun tidak ketinggalan unsur-unsur ajaib. Dikisahkan pada permulaan hikayat bahawa raja-raja Perak itu adalah keturunan Iskandar Zulkarnain. Di dalam Hikayat Merong Mahawangsa pula Raja Kedah itu diceritakan adalah berasal dari Merong Mahawangsa yang berasal dari dewa-dewi. Kepercayaan seperti ini sangat

berkesan dan terdapat kepercayaan-kepercayaan aneh di kalangan orang-orang Melayu pada masa ini pun. Umpamanya:

1. Jika gadis di dapur menyanyi, orang tua menjadi suami.
2. Jika gadis suka duduk di pintu, sampai tua tidakkan laku.
3. Jika kembar pisang dimakan, beranak kembar tak dapat dielakkan.
4. Jika kupu-kupu masuk dalam rumah, ada orang akan berziarah.
5. Jika bersin tengah makan nama awak jadi sebutan.
6. Jika waktu berjalan kucing melintas, dari bahaya tidak terlepas.
7. Jika mimpi gigi tertanggal ada kerabat akan meninggal.
8. Jika bergerak pelupuk mata kanan, perkara baik untuk penglihatan.

Unsur-unsur yang terdapat dalam hikayat-hikayat Islam dan juga hikayat Hindu pasti mempengaruhi orang-orang Melayu. Sehingga pada abad yang ke-17 orang-orang Melayu percaya bahawa negeri Melaka telah dialahkan oleh Portugis sebab Sultan Mahmud membunuh Bendahara Sri Maharaja yang tidak berdosa. Di dalam hikayat Islam, pedang sakti memberi pertolongan besar kepada watak-watak utama itu. Di samping itu terdapat juga cokmar dan perisai. Dalam cerita-cerita Hindu terdapat perkara-perkara yang ganjil seperti panah sakti yang boleh membinasakan beribu-ribu seteru di angkasa dan juga menerbitkan petir, hujan, dan sebagainya, dan butir-butir yang mustahil terselit juga dalam cerita-cerita

Islam seperti Amir Hamzah memekik sampai bergegar bumi dan sekalian askar-askarnya pun mengambil kapas untuk menutup telinga mereka dan telinga kuda-kudanya.

Orang-orang Hindu percaya lembu itu adalah lambang ibu yang suci murni dan pernah mereka memujanya sebagai Tuhan. Lambang yang suci murni itu pun mempermainkan peranan yang penting dalam hikayat Melayu. Dalam Sejarah Melayu dikisahkan lembu itu jadi kenderaan ketiga-tiga anak Raja Suran apabila mereka keluar dari kerajaan *Ṭabaqāt al-Arḍ* di dasar lautan naik ke Bukit Siguntang. Buih yang dimuntahkan oleh lembu itu jadi seorang manusia yang bernama Betala, dan juga Seri Bija Diraja, hulubalang Melaka yang melawa Siam, berasal dari muntah lembu. Hikayat Hang Tuah pun dipengaruhi oleh unsur-unsur ini. Umpamanya Hang Tuah sebelum meningkat umur sepuluh tahun telah bertempur dengan angkatan lanun dan pernah membunuh orang mengamuk. Seri Rama yang masih belum baligh sewaktu pengembaraannya membunuh raksaksa Janin yang mengganas orang dalam perjalanan mereka ke negeri Maharisi Kala.

Penjelmaan pun tidak asing di dalam hikayat-hikayat yang berasal dari India. Di dalam "Hikayat Sang Buma" dikisahkan bila Betara Maha Wisnu dan Betara Brahma memuja bunga Nagasari di atas Gunung Tenunan, bunga itu menjelma menjadi Dewa Darma Dewa dan Dewa Darma Dewi di dalam "Hikayat Seri Rama" dikisahkan dua orang raksaksa, suruhan Maharaja Parama menjelma menjadi kijang emas dan kijang perak sebagai helah melarikan

Karya-karya Asing...

Setia Dewi. Hang Tuah pun dikisahkan menjelmakan diri.

Sebenarnya – unsur-unsur Hindu terselerak dalam “Hikayat Hang Tuah”.

Betapa pengaruhnya unsur-unsur asing dalam hikayat-hikayat Melayu? Kesemuanya ini telah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang dinamis.

Hikayat Iskandar telah diterjemahkan pada Abad Masihi yang ke-15. Hikayat ini asalnya bahasa Yunani Lama, diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, bahasa Parsi, bahasa Habshi, bahasa Hindi, bahasa Turki, bahasa Jerman, bahasa Percis dan beberapa bahasa lain. Dipercayai bahawa kitab Melayu diterjemahkan dari naskhah yang dibawa dari benua India.

“Hikayat Bakhtiar” itu diterjemahkan daripada bahasa Parsi dan ‘Hikayat Ghulam’ diterjemahkan pula dari naskhah Arab. Kedua-dua kitab itu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu pada abad Masihi yang ke-17. Sebahagian lagi sebuah hikayat Parsi “Hazar Afsan” diterjemahkan oleh Haji Abdullah bin Haji Abu Bakar dari Pulau Pinang dan diterbitkan pada tahun 1907. Sebelas tahun sebelum terbitnya “Hazar Afsan” Alang Ahmad bin Muhammad Yunus dari Perak berjaya menterjemahkan 200 buah dongeng aesop. “Hikayat Penerang Hati” itu masih digemari oleh peminat-peminat kesusasteraan Melayu.

Hikayat Raja-raja Parsi¹ dibawa ke Melaka tatkala Parameswara memeluk agama Islam. Dalam hikayat ini terdapat

perkataan-perkataan Sanskrit, Jawa, Tamil, Arab dan Portugis. Umpamanya:

Sanskrit: Tentera, bagi, purnama, warna, nata, anugerah, penggawa, senjata, negeri, kala, ufti;

Jawa: Pamit;

Tamil: Segala, pelbagai;

Portugis: Riyal;

Arab: Zaman, rakyat, hisab, musim, takluk, jenis.

Hikayat “Panca Tanderan” diterjemahkan oleh Abdullah Munshi daripada bahasa Tamil dengan bantuan sahabat karibnya, Tambi Mutu Virabattar. Dalam hikayat ini terdapat perkataan-perkataan yang berasal dari bahasa Portugis (XXX, murung), dari bahasa Cina (ting), dari bahasa Inggeris (saman), dari bahasa Belanda (polis) dan dari bahasa Parsi (bāz).

Cerita-cerita jenaka dan penglipur lara pun diambil atau disadurkan daripada kitab Sanskrit “Katha Sarit Sagara” yang dikarang oleh pendeta Kashmir yang bernama Sumadiba dalam abad Masihi yang ke-12. Motif Malim Deman ambil baju layang Puteri Bongsu diambil dari Katha Sarit Sagara dan Hikayat Inderaputera. Dalam “Hikayat Bayan Budiman” dan “Hikayat Kalilaha Dimnah” terdapat beberapa cerita yang dikisahkan dalam kitab Sanskrit “Panca Tanderan.”

Ditegaskan juga di sini bahawa Hikayat Seri Rama terkenal di Melaka sebelum Parameswara memeluk agama Islam. Dalam zaman Parameswara serta dengan anakanda dengan cucundanya yang berkahwin dengan puteri-puteri Islam, pelabuhan Melaka menjadi pusat

perniagaan yang penting di negeri ini dan di seluruh Asia Tenggara. Bersama-sama dengan perniagaan agama bahasa pun berkembang dengan pesatnya. Apabila bangsa Eropah ke Asia Tenggara satu abad kemudiannya, mereka mendapati bahasa Melayu sebagai bahasa perdagangan. Kamus kecil “Maleise Woordenlijst (Daftar Kata Melayu) yang disusun oleh Pigafetta membuktikan ini.

Cerita-cerita panji yang dikatakan bukan salinan atau saduran dari hikayat Hindu seperti “Hikayat Seri Rama.”, “Hikayat Sang Buma”, “Hikayat Pandawa Jaya” dan sebagainya, ternyata juga pengaruh Hindu di dalamnya. Ada banyak perkataan Sanskrit dalam cerita-cerita panji. Tajuk-tajuk hikayat itu pun berbau Sanskrit. Sila-sila perhatikan 14 buah hikayat panji yang termasyhur.

1. Hikayat Cekel Waneng Pati
2. Hikayat Dalang Indera Kesuma.
3. Hikayat Perabu Anum.
4. Hikayat Undakan Penurat.
5. Hikayat Dewa Asmara Jaya.
6. Hikayat Jaran Kinanti Asmaranda.
7. Hikayat Kuda Semirang.
8. Hikayat Misa Gemang.
10. Hikayat Galuh Digantung.
11. Hikayat Misa Indera Dewa Kesuma.
12. Hikayat Dalang Puduk Asmara.
13. Hikayat Raja Kuripan.
14. Hikayat raja Tambak Baya.

Dalam cerita-cerita panji itu terdapat banyak perkataan Jawa umpamanya:

Andaga = semut; Anggir = kekasih; Babat = badan; Celeng =

¹ Atau sebenarnya merujuk kepada Hikayat Raja-raja Pasai?

Karya-karya Asing...

babi; Galuh = ratna; Ganjaran = hadiah; Gedongan² = bangsal kuda; Janing = pangkat; Kedayan = pengiring; Langlang = pelancong; Macan = harimau; Mangan = makan; Menjanjang = kijang; Nayaka = menteri; Ulung = hitam; Wetan = timur; Sira = engkau; Para = semua; Peringgi = penghulu; Rama = ayah.

Kebanyakan perkataan ini telah meresapi bahasa Melayu. Justeru karya-karya asing sangat berkesan. Watak-watak utama dan latar belakang cerita Hikayat Faridah Hanum pun bukanlah watak-watak tempatan tetapi Mesir. Ini membuktikan pengaruh asing itu menyuburkan perkembangan sastera dan bahasa Melayu. Karya Jane-Baptiste Alphonse Karr (1808-1890) "*Sous les Tilleuls*" atau "Di Bawah Naungan Pohon-pohon Tilia" dan terjemahan Arabnya "*Majdolin*" oleh al-Manfaluti memberi ilham kepada Dr. HAMKA menulis "Tenggelamnya Kapal Van der Wijck". Penterjemahan Melayunya diusahakan oleh A.S. Alattas. Malangnya beliau dituduh plagiat. S. P. Abdullah menuduh HAMKA sebagai "Aktor tunggal dalam "Bohong Di Dunia" "Aku mendakwa HAMKA plagiat" "Dengan Manfaluti, di bawah matanya HAMKA menyusun "Tenggelamnya Kapal Van der Wijck." Bagaimanapun beliau dipertahankan oleh Dr. H.B. Yasin. Di sini pun sasterawan-sasterawan Andi Hasanuddin (Utusan Zaman 4 – 11 – 64 Hadrami A.R. (Mastika, Disember 1962) dan Khalid Hussein (Dewan Masyarakat

Mei 1964) telah membincangkan tentang perkara ini.

Al-Sayyid Sheikh bin Ahmad al-Hadi yang belajar dengan Sheikh Muhammad Abduh (1849-1905), penganjur aliran baharu dalam dunia Islam, membawa pengaruh Arab ke dalam tulisannya. Senarai karangan-karangan pentingnya membuktikan ini.

1922 *al-Tārīkh al-Islām*.

1926 Hikayat Faridah Hanum.

1927 Tafsir Juzuk 'Ammā.

1928 Tafsir al-Fāṭīhah.

1929 Hikayat Puteri Nurul Ain.

1931 Kitab Agama Islam dan Akal

Semua karya-karya ini dan juga

karya-karya Parsi telah mempengaruhi bahasa kita. Puisi yang datang dari Parsi-Arab ialah *mathnawī*, *rubā'ī*, *ghazāl*, *nazam*, *qiṣṣah* dan *rubā'īyyāt*. Seloka dan gurindam berasal di India dan Valmiki mengubah Ramayana dengan bentuk seloka. Dalam zaman moden ini penyair-penyair di Indonesia dan Malaysia dipengaruhi juga oleh penyair-penyair luar negeri seperti Federico García Lorca, Baudelaire, H. Marsman, I; De Brune, R.M. Rilke, Slauerhoff dan Archibald Macleish. Di samping ini karya-karya prosa pun dipindahkan ke dalam bahasa kita.

Anas Maarof telah menterjemahkan karya-karya Rabindranath Tagore "Kabir", "Gitanjali", "Citarā", "Sidhana" dan juga karya William Saroyan "Komedi Manusia" dan karya John Steinbeck "Mutuara". Amir Hamzah pun dalam tahun 1946 telah menterjemahkan "Gitanjali" karya Rabindranath Tagore.

Bahrum Rangkuti telah menterjemahkan "Lintaran Sejarah Dunia" oleh Jawaharlal Nehru dan "Kashmir" oleh Zafarullah Khan dan beberapa buku lain. Dua buah terjemahan Pramoedya Ananta Toer "Tikus dan Manusia" oleh J. Steinbeck dan "Kembali Kepada Cinta Kasihmu" oleh Leo Tolstoy sangat berkesan. Sumbangan Trisno Soemardjo menterjemahkan drama Shakespeare pun terbesar juga. Di antara drama-drama yang diusahakannya adalah "Hamlet Pangeran Denmark", "Saudara Venezia", "Macbeth", "Prahara" dan "Impian Di Tengah Musim". Achdiat Karta Mihardja pengarang roman "Atheis" yang terkenal itu pun berjaya menterjemahkan "Religi Susila" karya M.K. Gandhi dan Hasan Amin mengusahakan pula terjemahan karya Dr. R.F. Berling "Filsafat Dewasa Ini." Edrus pelopor Angkatan 45 di samping beberapa terjemahan lain, pindahan ke dalam bahasa Indonesia "Perkenalan" kumpulan cerita-cerita Jaroslav Hašek, Luigi Pirandello dan Guy de Maupassant. Abdul Muiz pengarang cerita "Salah Asuhan" yang terkenal itu pun di antara lain-lain, menterjemahkan pula karya-karya Fenimore Copper seperti "Tom Sawyer" dan "The Last of The Mohicans."

Setelah Malaysia mencapai kemerdekaannya, penerbitan O.U.P. telah memberikan sumbangan yang besar dalam bidang terjemahan. Dalam "Cepu Kencana" mereka memperkenalkan penulis-penulis agung seperti Honore de Balzac, Edgar Allan Poe, Leo Tolstoy, Guy de Maupassant, Anton V.

² Perkataan sebenar ialah gedogan.

Karya-karya Asing...

Chekhov, O. Henry, H.

G. Wells dan W. Somerset

Maugham. Buku-buku lain yang tinggi mutunya

ialah "Paria" oleh Mulk Raj

Anand, "Cinta Pertama" oleh Ivan,

"Hidup Bagaikan Mimpi" oleh

Shen Fu, "Orang Tua dan Laut"

oleh Ernest Hemmingway, "Kuda

Merah", "Mutiar" oleh John

Steinbeck; "Pelayaran Gulliver" oleh

Jonathan Swift, "Don Quixote"

oleh Miguel de Cervantes,

"Gaspar Ruiz" oleh Joseph

Conrad "Malik dan Aminah" oleh

Franz Braumann dan berpuluh lagi.

Sumbangan penerbitan Franklin pun tidak boleh dilupakan. Di anara berpuluh-puluh buku-buku yang diterbitkan dengan kerjasama penerbitan-penerbitan tempatan, ialah:

1. "Akhirnya Airlah yang Berkuasa" oleh D. Moreau Barringer.

2. "Biarlah Badai Mengamuk" oleh Rose Wilder Lane.

3. "Kisah Pengembaraan Marco Polo" oleh Richard J. Walsh.

4. "Panggilan Ke Alam Baka" oleh Jack London.

5. "Robohnya Jambatan San Luis Rey" oleh Thornton Wilder.

6. "Kisah Hidup Thomas Alva Edison" oleh Henry Thomas.

7. "Buku-buku yang Merubah Dunia" oleh Robert B. Downs.

8. "Jatuhnya Konstantinopel" oleh Bernardine Kiely.

9. "Bumi Bertuah" oleh Pearl S. Buck.

10. "Wanita-wanita Terkemuka" oleh Sarah K. Boston.³

11. "Napoleon Dalam Pertempuran Waterloo" oleh Frances Winwar.

12. "Lima Puluh Cerita-cerita Teladan" oleh James Baldwin.

Justeru kesusasteraan asing memperkembangkan dan memperkayakan kesusasteraan Melayu / Indonesia. Ditaksir ada sekurang-kurang lapan ribu terjemahan dalam bahasa kita. Bolehlah disangkal karya-karya asing tidak mempengaruhi penulis-penulis berbakat di Malaysia. A. Samad Said dapat menulis "Salina" sebab penulis itu dapat ilham dari novelis-novelis Barat. Ibrahim Omar dapat menulis "Desa Pingitan" sebab beliau asyik membaca karya-karya Charles Dickens dan pengarang-pengarang lain yang termasyhur. Teknik penulisannya dipelajari dari pengarang-pengarang Barat. Kita di Malaysia bangga dan kagum sebab bahasa Melayu telah maju dalam segala aspek. Kejayaan ini tercapai sebab karya-karya asing telah menyubur dan melengkapkan bahasa kita dengan sempurna. Padat benar, jika ditegaskan pengaruh-pengaruh karya-karya asing telah menjadikan bahasa kita, moden lagi dinamis.

Kata-kata Hikmah

Tiga orang yang tidak akan ditolak doa mereka: Orang yang berpuasa ketika ia terbuka, raja yang adil dan doa orang yang terzalim. Doa-doa mereka itu diangkat ke atas awan yang tebal dan dibuka baginya pintu-pintu langit, lantas berfirmanlah Allah: "Dengan kebesaran-Ku dan kemuliaan-Ku akan Aku tolong engkau walaupun sesudah beberapa waktu."

(Ahmad, Tirmidhī dan Ibn Mājah).

³ Perkataan sebenar ialah Sarah K. Bolton atau Sarah Knowles Bolton.

*

* *

sudah siap!

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah I

RUPA YANG BUROK

*Di-padankan dari che-
rita2 Sejarah Islam.*

*Didek-lah jiwa kanak2
dengan menggalakkan
membacha buku2 se-
jarah ringkas Islam.*

*Di-jalin dengan baha-
sa yang mudah dan le-
kas di-fahami oleh
kanak2. Serta di-hiasi
dengan gambar2 lukisan
yang menarik.*

Sa-buah 40 sen.

Pos 10 sen.

Pesan-lah kapada:

QALAM

8247 Jalan 225

Petaling Jaya,

Selangor.

* *

*

Di Mana Tempat Perlindungan Generasi Muslim?

(IV)

(Oleh: Al-Ustādh Yusuf al-‘Azam)

Dalam siri yang keempat ini pengarang asal makalah ini menggambarkan betapa bahayanya generasi muda Muslim yang mendapat pendidikan dari “taman-taman asuhan” yang didirikan oleh pengembang-pengembang agama Kristian yang berselindung di sebalik nama badan-badan amal kebajikan untuk masyarakat umat manusia.

Untuk mengabui mata orang-orang Islam, maka setengah daripada “taman-taman asuhan” Kristian itu mengadakan pelajaran *tawārikh* dan akidah Islam . . . tetapi apa tujuan yang berada di sebalik itu, maka ikutilah kupasan beliau di dalam makalah ini. – Pengarang.

(Terjemahan bebas oleh: Azmi)

Dua Golongan Ibu:

Kembali kita mengemukakan pertanyaan, di manakah didapati seorang ibu Muslimah pada hari ini yang betul-betul memahami *nafsiyyah* (Morally) seorang kanak-kanak yang berada di bawah pendidikannya serta mempelajari inklinasi (kecenderungan jiwa) mereka di dalam segenap lapangan dan aspek hidup. Oleh itu dengan terus terang kita berani mengatakan bahawa kebanyakan daripada ibu-ibu Muslimah pada hari ini telah kehilangan pendoman¹ di lapangan pendidikan menurut dasar-dasar pendidikan yang dikehendaki oleh Islam, dan dengan itu kita dapat membahagikan mereka kepada dua golongan:

1. Ibu-ibu yang jahil: Takrif atau definisi “ibu-ibu yang jahil” ini bolehlah kita masukkan di dalam erti kata “ibu-ibu yang tidak berpendidikan ataupun ibu yang tidak mempunyai rasa keinsafan dan tidak mempunyai tanggungjawab di lapangan pendidikan”. Kehidupan anak-anak mereka dari sejak kecil dibiarkan begitu sahaja dengan menurut kemajuan

hawa nafsunya. Jiwa mereka tidak dilentur supaya berperangai baik dan bermoral tinggi, akal mereka tidak diasah supaya tajam dan dapat memikirkan sesuatu kejadian alam yang terbentang di hadapan matanya dan roh mereka tidak ditiupkan semangat cintakan agama, cintakan bangsa dan tanah air, tetapi cara-cara hidup kaum ibu dari golongan ini hanya melebihi pakaian zahir daripada pakaian batin, mereka berfoya-foya mengunjungi toko-toko pakaian untuk melihat-lihat pakaian apa yang paling baru modelnya yang sesuai dengan bentuk dan potongan tubuh badan masing-masing, selain dari itu mereka mengadakan pertemuan sesama sendiri di rumah-rumah jiran memperbincangkan soal-soal titik bengik hidup dan memperkatakan soal-soal rumah tangga orang lain yang tidak ada kena-mengena dengan diri mereka sendiri. Semuanya ini mereka lakukan di hadapan mata kepala anak-anak mereka, sedang segala apa yang mereka lakukan itu tidaklah meninggalkan kesan-kesan baik kepada keluarga dan anak-anak mereka dan jauh sekali

daripada mendatangkan sebarang faedah kepada masyarakat yang berada di sekeliling mereka. Malahan akan dicontohi pula oleh generasi-generasi kecil yang di bawah pendidikan-pendidikan mereka...

2. Ibu-ibu yang berpelajaran:

Takrifnya bolehlah kita masukkan ke dalam golongan ibu-ibu berilmu pengetahuan tinggi yang berkelulusan dari sekolah-sekolah menengah ataupun maktab-maktab perguruan kolej dan universiti-universiti. Ibu-ibu yang terdiri daripada golongan ini pula tidak begitu banyak peluang untuk bergaul dengan anak-anaknya, di rumah, kalau ada pun hanya buat beberapa waktu yang paling terbatas sekali, lantaran ibu-ibu yang terdiri daripada kaum intelek ini selalu sibuk dengan bermacam-macam urusan politik, persatuan-persatuan kaum ibu, dan menghadiri pesta-pesta dan majlis-majlis rasmi hingga ke larutan malam. [Ibu-ibu yang selalu sibuk dengan beberapa urusan ini sudah tentu mereka mengadakan orang gaji di rumah, orang-orang gaji ini kebanyakannya

¹ Perkataan sebenar ialah pedoman.

Di Mana Tempat Perlindungan...

terdiri daripada wanita-wanita muda yang tidak berpelajaran dan bertabiat bengis dan kasar. Di atas pangkuan mereka inilah generasi-generasi kecil itu dididik dan dipelihara. Hasilnya anak-anak yang di bawah pendidikan orang-orang gaji yang bertabiat kasar maka sifat-sifat kasar dan liar itu akan menular masuk ke dalam jiwa anak-anak – P.]

Di antara dua ibu:

Gambaran yang lebih nyata dapat kita bayangkan di sini bahawa generasi angkatan baru pada hari ini sedang hidup di dalam keadaan serba salah. Hidup di kalangan masyarakat ibu-ibu mereka yang jahil tidak berpelajaran, ibu-ibu yang asyik berfoya-foya membuang-buang waktu dari suatu rumah ke suatu rumah memperkatakan sesuatu yang tidak berfaedah kepada masyarakat umum. Ibu-ibu yang masih berpegang teguh dengan adat-adat kuno dan mempercayai kisah yang diperkatakan oleh tukang-tukang tilik dan tukang-tukang tenung dengan ibu-ibu yang terlalu maju dan terlalu sibuk dengan urusan-urusan di luar rumah tangga sehingga anak-anak mereka terbiar di bawah pendidikan orang-orang gaji yang bermoral rendah. Ibu-ibu mereka terlalu sibuk dengan urusan politik negara, sibuk dengan menuntut persamaan hak dan gaji dan sibuk pula dengan urusan-urusan persatuan yang mereka tubuhkan di merata-rata bandar, kampung dan desa, tetapi sayangnya mereka tidak mementingkan urusan pendidikan dalam rumah tangga yang mengandungi

generasi-generasi baru yang perlu dididik dan diasuh dengan secara pendidikan Islam moden yang dinamis sesuai dengan keadaan zaman yang serba maju ini.

Memandang kepada keruntuhan akhlak dan penyelewengan-penyelewengan iktikad di kalangan muda-mudi Islam pada hari ini, maka pendidikan adalah menjadi suatu faktor yang paling penting sekali dalam hidup yang wajib dilaksanakan oleh ibu bapa dan para guru yang mengambil peranan utama di lapangan pendidikan masyarakat kanak-kanak yang dilahirkan di alam maya ini yang sentiasa mengharapkan agar mereka diberikan pendidikan yang sewajarnya oleh kedua ibu bapa, hanya ibu-ibu yang mempunyai semangat kesedaran sahajalah yang sanggup memberikan pendidikan-pendidikan yang sempurna terhadap anak-anak mereka. Pendidikan yang seimbang di antara ilmu-ilmu agama dengan pengetahuan-pengetahuan keduniaan, lantaran Islam adalah suatu agama yang mementingkan akhirat di samping ia memerlukan dunia, kedua-duanya haruslah diperseimbangkan, baik dari segi ilmu pengetahuan mahupun dari segi peribadahan dan perusahaan mencari nafkah sehari-hari. Hanya ibu-ibu yang di jiwa mereka tertanam semangat pendidikan Islam sahajalah yang sanggup mengatasi soal penyelidikan anak-anak mereka dari moral dan akidah agama suci yang mereka anuti.

Memandang kepada begitu pentingnya soal pendidikan ini dan melihat kepada begitu lemahnya orang-orang Islam di lapangan pendidikan, maka pengembang-pengembang agama Kristian dengan diam-diam membuka beratus-ratus buah taman asuhan kanak-kanak

(Kindergarten) berpuluh-puluh buah sekolah-sekolah menengah dan ada di antaranya mendirikan universiti-universiti mereka di dalam tiap-tiap negeri Islam. [Maka berduyun-duyunlah orang-orang Islam mengantar anak-anak mereka belajar ke sekolah-sekolah dan universiti-universiti Kristian itu sehingga dengan tidak mereka sedari dari sejak kecil-kecil lagi jiwa anak-anak mereka telah ditanamkan dengan pengajaran-pengajaran yang berbau Kristian. Akibatnya walaupun dengan tidak secara terang-terangan pemuda-pemudi kita menjadi murtad menukar agama, tetapi lima puluh peratus jiwa keislaman mereka telah hilang ghaib dipengaruhi oleh kebudayaan-kebudayaan dan cara hidup orang-orang Barat ala Kristian itu – P.] Ini bererti orang-orang Islam dari sejak mereka berada di dalam buaian hingga ke liang lahad jiwa mereka telah dipengaruhi oleh cara hidup ala Kristian.

[Apa yang dibayangkan oleh pengarang asal makalah ini mengenai begitu besar dan meribaknya pengaruh pengajaran-pengajaran Kristian meresapi masuk ke dalam masyarakat orang-orang Islam yang hidup di zaman yang dikatakan moden dan berkemajuan ini, dapat kita persaksikan dengan terang nyata ada berlaku di dalam masyarakat orang-orang Islam di tanah air kita (orang-orang Melayu) yang di beberapa masa dahulu terkenal sebagai satu bangsa yang mempunyai akhlak, adab sopan yang tinggi dan sangat berpegang teguh dengan agama, adat dan kebudayaan bangsa yang mereka pusakai dari sejak turun-temurun di beberapa zaman. Cara hidup orang-orang Melayu sekarang – terutama di kota-kota besar sudah jauh

Di Mana Tempat Perlindungan...

menyeleweng daripada adat istiadat Melayu yang bercorak keislaman.

Kalau di dalam satu-satu majlis perkahwinan orang-orang Melayu di zaman silam diadakan majlis istiadat berkhatam Qur'an melaungkan ayat-ayat suci dengan suara yang merdu, membaca berzanji dan marhaban memuji-muji keagungan Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ṣallam* dan para Sahabatnya. Maka majlis perkahwinan orang Melayu di zaman "Apollo" ini diganti dengan irama muzik dan nyanyian-nyanyian pop yang dihiasi dengan senikata-senikata "asmara" yang mengghairahkan nafsu, dan kadangkala ditambah pula dengan suatu majlis istimewa yang dinamakan "tea party" di dalamnya diadakan tari-menari yang menggoncang iman. Istiadat suap-menyuap pulut kuning sewaktu pengantin bersanding di atas pelamin yang hanya memakan belanja beberapa ringgit sahaja, kini telah diganti dengan istiadat memotong kuih kek yang bertingkat-tingkat harganya sudah tentu beratus-ratus ringgit.

Istiadat memuja umur yang dahulunya dijalankan menurut ajaran Islam, dengan memotong akikah dan dagingnya disedekahkan kepada fakir miskin, kini telah ditukar dengan istiadat memotong kuih khas serta dipacakkan beberapa batang lilin merah mengikut umur dengan mengundang beratus-ratus orang sahabat handai, kemudian satu majlis tari-menari ala Barat diadakan pula hingga larut malam.

Walhal kalau kita akan bicarakan satu persatu mengenai soal

penukaran adat kebudayaan bangsa kita dari bercorak ketimuran ke bentuk kebaratan sudah tentu akan mengambil masa yang panjang. Sebagai contoh memadallah kita bawa dua misal di atas – P.]

Anak-anak perlu diawasi:

Banyak di antara ibu bapa – terutama ibu bapa yang terdiri daripada golongan orang-orang yang berada – menyangka bahawa mendidik anak-anak dengan secara kemewahan, menurut sahaja apa kemahuan yang dikehendaki oleh anak-anak itu dari segi kewangan, permainan, pakaian dan hiburan adalah akan meninggalkan semangat anak-anak itu untuk lebih giat belajar bagi mencapai cita-citanya di masa hadapan – menurut mereka kalau jiwa anak-anak itu dari sejak kecil ditekan, ditindas dan tidak diberikan kebebasan yang sepenuhnya, manakala ia besar kelak ia akan menjadi seseorang manusia yang tidak lepas laku, ragu-ragu dan tidak berani menghadapi cabaran hidup yang dengan 1001 macam pancaroba sebagai batu ujian untuk mengukur setakat mana ketabahan seseorang itu sanggup melanda samudera hidup yang penuh dengan taufan dan badai itu.

Sebenarnya ibu bapa yang berfikiran demikian, adalah termasuk di dalam golongan manusia yang mahu melepaskan diri dari memikul tanggungjawab mendidik anak-anak. Anak-anak perlu kepada pengawasan dan kawalan yang seketat-ketatnya daripada kedua ibu bapa semasa mereka masih berada di alam persekolahan, anak-anak yang terjauh daripada pengawasan dan kawalan daripada kedua ibu bapa semasa mereka berada

di rumah jiwanya akan lekas terpesong mengikuti kemahuan hawa nafsu di zaman remaja. Manakala seorang pemuda segenap jiwanya dapat dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat di luar rumah tangga, maka sudah pasti masa depannya akan menemui kehancuran.

Di atas kelalaian orang-orang Islam di lapangan pendidikan ini juga mendapat perhatian berat daripada pengembang-pengembang agama Kristian yang dibenarkan hidup dengan bebas di mana-mana negara-negara Islam pada hari ini. Di sana sini mereka membuka taman-taman asuhan untuk menampung anak-anak para hartawan Islam yang mempunyai kemampuan menyediakan bayaran-bayaran masuk ke sana setiap bulan, di dalam "taman asuhan" yang bercorak Kristian inilah jiwa kanak-kanak yang masih mentah itu dididik dan ditanamkan pengajaran-pengajaran agama Kristian dengan tujuan agar kanak-kanak itu melupai akan akidah kepercayaan Islam yang dianuti oleh kedua-dua ibu bapanya.

Mengabui mata:

Untuk mengabui mata orang-orang Islam yang menghantarkan anak-anak mereka ke taman asuhan ala Kristian itu, sebagai permulaan di sana diajarkan juga pelajaran *tawārīkh* Islam rendah dan akidah-akidah kepercayaan orang-orang Islam terhadap Tuhan yang Maha Esa... tetapi adakah pelajaran-pelajaran tersebut diberikan mengikut dasar perkembangan sejarah dan akidah Islam yang sebenarnya? Jawabnya tentu sekali tidak!

Tawārīkh dan akidah Islam yang diajarkan di dalam taman asuhan itu hanya sebagai merupakan topeng

Di Mana Tempat Perlindungan...

untuk mengabui mata orang-orang Islam, agar supaya mereka jangan menaruh sebarang curiga yang mana di dalam taman asuhan itu hanya diajarkan *tawārikh* dan akidah agama Kristian terhadap kanak-kanak Islam yang berada di dalamnya... tetapi di samping itu kalau kita selidiki dasar pelajaran sejarah dan akidah Islam yang diajarkan itu adalah jauh menyeleweng daripada dasar yang sebenarnya, sejarah Islam yang asal dan akidahnya yang tulen itu mereka ubah mereka pinda dengan sewenang-wenangnya sehingga ia bersesuaian dengan pengajaran-pengajaran yang dibawa oleh agama Kristian.

Soal ini masih tidak disadari oleh ibu bapa Islam, malahan mereka berasa bangga yang anak-anak mereka mendapat asuhan dan pendidikan Islam yang diadakan oleh “taman asuhan” tersebut, mereka tidak mengetahui bahawa penyelewengan-penyelewengan telah dilakukan di dalam pelajaran-pelajaran sejarah dan akidah Islam yang diajarkan kepada anak-anak mereka, sehingga terbayanglah di otak kanak-kanak yang masih mentah itu dengan mengatakan bahawa segala kepercayaan ghaib yang dibawa oleh agama Islam itu hanya merupakan khayalan yang tak dapat diterima oleh akal fikiran yang waras.

Akibatnya akan rosaklah iktikad kepercayaan Islam yang ditanamkan ke dalam jiwa kanak-kanak Islam itu, iktikad yang disadur dan dibungkus dengan pengajaran-pengajaran agama Kristian yang sangat bertentangan dengan akidah Islam yang sebenarnya, inilah di antara

beberapa faktor yang menyebabkan pemuda-pemudi Islam di zamn ini semakin jauh meninggalkan ajaran-ajaran Islam dan memandang Islam itu suatu agama kolot, agama yang membawa ajaran-ajaran ortodoks yang dikatakan tidak bersesuaian lagi dipraktikkan di zaman dunia serba-serbi moden dan maju ini.

Siapa yang bersalah?

Kalah ini semua akan berlaku – malahan memang sudah pun berlaku di tanah air kita – P – maka kesalahan ini janganlah hendaknya kita lemparkan bulat-bulat ke pundak pemuda-pemudi kita. Sumber kesalahan-kesalahan ini mendatang adalah berpunca daripada salah pendidikan asal yang diberikan oleh ibu bapa terhadap anak-anak mereka dari sejak kecil.

Manakala asas-asas pendidikan agama tidak dapat ditanamkan dengan secukup-cukupnya ke dalam jiwa seorang kanak-kanak, maka apabila ia meningkat besar menjadi seorang muda remaja kelak, kepercayaannya terhadap ajaran-ajaran agama yang ia sendiri mengakui menjadi penganutnya, tidak akan teguh, imannya mudah bergoncang dan ia akan lekas tergelincir daripada landasan hak dan kebenaran. Segenap naluri dan perasaannya kembali mengingati ke zaman mula-mula ia menerima pendidikan. Kalau pada permulaan hayatnya ia mendapat pendidikan dari “taman asuhan” ala Kristian, maka ajaran sesat itu akan meresap memasuki segenap urat sarafnya. Di saat itu segala sesuatu yang bercorak Kristian yang datangnya dari benua Barat akan dianggapnya suci, akan diagung-agungkannya. Segenap jiwa raganya

lekas sekali tunduk menerima ajaran-ajaran yang paling dahulu diterimanya semasa ia masih berada di dunia kanak-kanak.

Oleh yang demikian kepada para pendidik dan ibu bapa Islam, saya mengharapkan supaya awal pertama pendidikan yang tuan-tuan berikan kepada anak-anak, hendaklah pendidikan yang bercorak agama, supaya dengan itu semangat keagamaan yang tulen sejati akan mengambil tempat utama sebagai benteng bagi memperlindungi mereka daripada dipengaruhi oleh fahaman-fahaman agama lain yang bertentangan sama sekali dengan ajaran-ajaran suci yang dibawa oleh agama Islam.

Bersambung.

sudah siap

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah II

RAHSIA TERBUKA

Harga 50 sen.

Pos 10 sen.

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah III

MENJINAKKAN

Harga 50 sen.

Pos 10 sen.

Pesan-lah kepada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.

-Kemerdekaan-

Kita bicarakan kemerdekaan
Sesungguhnya kemerdekaan itu satu belunggu
Dan kita unkitkan satu sifat penjajahan
Penjajahan juga satu kepahitan
Dalam hidup serba muda
Dalam bernafas di persada kecewa.

Tetapi kerinduan kita pada kedaulatan
Bukanlah satu rahsia lagi bagi kita
Kerana maruah adalah kesucian
Yang tak mungkin diinjak-pijakkan.

Dan sekarang di mana kita
Sesudah kebebasan kita genggam
Seperti menggenggam seekor belut yang licin
Dalam menuruni lorong-lorong kepincangan
Oleh peninggalan biadab gila
Dan oleh penerimaan buai rimba.

Apakah kita cuma harus didinginkan
Kalau sebuah sampan dua kemudinya
Apakah kita cuma bisa tersenyum
Kalau sebuah kampung dua penghulunya
Dan apakah corak penyembahan kita
Kalau satu masjid dua kiblatnya?

Untuk apakah itu?
Dan demikianlah wujudnya!
Maka kemerdekaan kita ini
Tidak harus kita belah bagikan.

Tanah kita cuma ini
Air kita cuma ini
Mahu ke mana lagi kita?
Biarlah kita mati
Di atas timbunan tulang-tulang perjuangan
Dari kita hidup
Di bawah langit kebiadaban.

Nur Hisham Mustafa



Di-chetak dan di-terbitkan oleh A.H. EDRUS bagi pihak QALAM,
8247, Jalan 225, (Bangunan MARA) Petaling Jaya, Selangor. TEL: 562481.